



**NEGERI PULAU PINANG**

# **PENYATA RASMI**

## **MESYUARAT KEDUA PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA**

### **DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KEEMPAT BELAS**

**09 NOVEMBER 2018 (JUMAAT)**

Dikeluarkan oleh

**BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI  
PULAU PINANG**

# PENYATA RASMI

## MESYUARAT KEDUA PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA

### DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEEMPAT BELAS

09 NOVEMBER 2018 (JUMAAT)

Kandungan	Muka Surat
Kehadiran Ahli Yang Berhormat	2 - 4
<b>PENGUMUMAN OLEH YANG DI-PERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI</b>	5
<b>PERMOHONAN PENJELASAN OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH</b>	6
<b>SOALAN-SOALAN LISAN</b>	
Soalan No. 1 - Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee)	10
Soalan No. 2 - Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong)	11
Soalan No. 3 - Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Gooi Zi Sen)	13
Soalan No. 4 - Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon)	16
Soalan No. 5 - Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang)	20
Soalan No. 6 - Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam)	25
Soalan No. 7 - Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik)	28
Soalan No. 8 - Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz)	30
Soalan No. 9 - Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq)	31
<b>RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAHUN 2019 DAN USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN TAHUN 2019</b>	
Pembentangan oleh Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang	33 - 53
<b>USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN TAHUN 2019</b>	54
<b>UCAPAN PENANGGUHAN OLEH YANG DI-PERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI</b>	54
<b>DEWAN DITANGGUHKAN</b>	

# PENYATA RASMI

## MESYUARAT KEDUA PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA

### DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEEMPAT BELAS

Tarikh : 9 November 2018 (JUMAAT)  
Masa : 9.30 Pagi  
Tempat : Dewan Undangan Negeri  
Lebuh Light, George Town  
Pulau Pinang.

Bil	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
2	Y.A.B. Chow Kon Yeow	Ketua Menteri / Padang Kota
3	YB. Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Bin Abd. Rahman	Timbalan Ketua Menteri I / Pinang Tunggal
4	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II / Perai
5	YB. Chong Eng	Padang Lalang
6	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
7	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
8	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
9	YB. Zairil Khir Johari	Tanjung Bunga
10	YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Haji Hussain	Batu Maung
11	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
12	YB. Soon Lip Chee	Bagan Jermal
13	YB. Dr. Amar Pritpal Bin Abdullah	Timbalan YDP Dewan/Sungai Bakap
14	YB. Lim Guan Eng	Air Putih
15	YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail	Pantai Jerejak
16	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
17	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
18	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
19	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
20	YB. Ong Ah Teong	Batu Lancang
21	YB. Satees A/L Muniandy	Bagan Dalam
22	YB. Azrul Mahathir Bin Aziz	Bayan Lepas

Bil.	Nama	Jawatan / Ahli Kawasan
23	YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil	Permatang Pasir
24	YB. Jason Ong Khan Lee	Kebun Bunga
25	YB. Gooi Hsiao-Leung	Bukit Tengah
26	YB. Syerleena Binti Abdul Rashid	Seri Delima
27	YB. Lee Chun Kit	Pulau Tikus
28	YB. Zolkifly Bin Md. Lazim	Telok Bahang
29	YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq	Bertam
30	YB. Kumaresan A/L Aramugam	Batu Uban
31	YB. Mustafa Kamal Bin Ahmad	Telok Ayer Tawar
32	YB. Joseph Ng Soon Siang	Air Itam
33	YB. H'ng Mooi Lye	Jawi
34	YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail	Pulau Betong
35	YB. Goh Choon Aik	Bukit Tambun
36	YB. Daniel Gooi Zi Sen	Pengkalan Kota
37	YB. Heng Lee Lee	Berapit
38	YB. Zulkifli Bin Ibrahim	Sungai Aceh
39	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor	Ketua Pembangkang/Sungai Dua
40	YB. Nor Hafizah Binti Othman	Permatang Berangan
41	YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah	Penaga

**AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A  
PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.**

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2	YB. Dato' Anas Bin Ahmad Zakie	Penasihat Undang-Undang Negeri
3	YB. Dato' Sarul Bahiyah Binti Haji Abu	Pegawai Kewangan Negeri

**TURUT HADIR**

Cik Maheswari A/P Malayandy	-	Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Encik Mohd Roshidi Bin Azmi	-	Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

**Setiausaha Dewan:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Bacaan Doa.

**Timbalan Setiausaha Dewan:**

“Bacaan Doa”.

**Setiausaha Dewan:**

Pengumuman oleh Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat yang sedia maklum, dua bekas Ahli Dewan Undangan Negeri telah meninggal dunia iaitu pertamanya, mendiang Dato’ Lye Siew Weng telah meninggal dunia pada 28 Februari 2018. Mendiang telah berkhidmat sebagai ADUN Kawasan Air Itam dari 1995 hingga 1999 dan juga sebagai ADUN Kawasan Air Putih dari 2004 hingga 2008. Mendiang juga pernah dilantik sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dari 2004 hingga 2008.

Manakala yang kedua, Allahyarham Dato’ Seri Abdul Rashid bin Abdullah telah meninggal dunia pada 20 September 2018. Allahyarham telah berkhidmat sebagai ADUN untuk Kawasan Sungai Acheh dari 1995 hingga 2004 dan juga sebagai ADUN untuk Kawasan Sungai Bakap mulai 2004 hingga 2008. Allahyarham juga pernah dilantik sebagai Ahli EXCO Kerajaan Negeri dan juga pernah menjawat jawatan Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang dari 2004 hingga 2008. Oleh yang demikian, pada hadirin saya mohon untuk bertafakur selama satu minit dan membaca Al-Fatihah untuk Allahyarham Dato’ Sri Abdul Rashid bin Abdullah. Pada hadirin diminta berdiri.

Terima kasih kepada para hadirin. Sila duduk.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri telah menetapkan hari ini, 9 November 2018 sebagai hari permulaan Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang Keempat Belas melalui perisytiharan yang diwartakan pada 25 September 2018 yang diwartakan pada 1 Oktober 2018.

Pada sesi kali ini kita akan mempertimbangkan 72 soalan lisan, 611 soalan bertulis dan 3 Rang Undang-Undang serta 2 usul. Mesyuarat akan bersidang sehingga semua urusan mesyuarat selesai.

**Setiausaha Dewan:**

Pembentangan risalah-risalah.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon membentangkan di atas meja Dewan. Risalah Bilangan 3 hingga 21 tahun 2018 seperti yang tersenarai dalam Susunan Urusan Mesyuarat.

**Setiausaha Dewan:**

Soalan-soalan. Soalan bertulis.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ingin saya persilakan Yang Berhormat Kebun Bunga...(gangguan).

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):**

Dengan izin Dato' Speaker, saya ada soalan untuk meminta penjelasan. Pada 1 November saya telah pun menerima satu surat daripada Dato' Speaker yang telah pun menolak salah satu daripada soalan bertulis saya iaitu soalan no. 19 di bawah Peraturan 25 Sub 2, Sub 1 di mana dinyatakan disini bahawa Dato' Speaker telah menolak soalan saya kerana soalan tidak jelas maksudnya.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada Dato' Speaker, bahagian mana soalan saya itu tidak jelas sebab soalan saya adalah sebenarnya susulan kepada soalan ataupun jawapan yang diberi kepada saya pada Sidang DUN lalu di mana saya telah pun bertanya dalam soalan ke 7, "Apakah projek-projek yang tidak diluluskan oleh Kerajaan Barisan Nasional, projek-projek pembangunan dan infrastruktur kepada Pulau Pinang dari masa 2008 sampai 2013" dan jawapan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri pada masa itu adalah untuk membekalkan satu senarai lampiran A sebanyak 177 projek-projek yang tidak diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan.

Maka dalam sidang kali ini, saya telah pun bertanya dengan izin dengan jelasnya di sini, "Apakah tindakan yang telah diambil untuk mendesak Kerajaan Persekutuan untuk meluluskan senarai projek dalam *Annexure A* yang diberikan kepada saya sebagai jawapan kepada soalan no.7 saya dari Sidang DUN lalu dan berapa dari projek-projek tersebut telah pun diluluskan sehingga kini". Jadi untuk saya, saya lihat tidak ada keraguan ataupun mungkin saya tidak tahu mana-mana sebab begitu saya minta Dato' Speaker untuk memberi penjelasan bagaimana soalan saya tidak jelas sebab saya merasakan ini adalah satu soalan yang penting untuk negeri dan untuk rakyat dan sebab itu saya bangkitkan soalan ini. Terima kasih Dato' Speaker.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Ahli Kawasan Bukit Tengah. Sepertimana yang telah saya nyatakan dalam jawapan saya kepada Ahli Kawasan Bukit Tengah iaitu soalan yang ditanya sebagaimana yang dalam sistem soalan ADUN itu memang tidak jelas untuk saya kerana kalau sebagaimana Ahli Kawasan Bukit Tengah sebut di sini ia agak jelas dengan kesinambungannya daripada penggal yang lalu tetapi bila saya lihat soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat memang itu terlalu tidak jelas untuk saya untuk pertimbangkan kelulusan kerana soalan itu ia nampak tergantung di situ, di mana Yang Berhormat sebut 'ini adalah susulan daripada satu soalan penggal lalu' untuk semua Ahli-ahli Jawatankuasa Semakan Soalan itu memang agak tidak begitu jelasnya.

Maka itu, saya telah menetapkan pendirian untuk menolak soalan tersebut tetapi Yang Berhormat nanti boleh bangkitkan soalan sebegini, soalan itu dalam sesi perbahasan agar ia didengar dalam Dewan ini. Saya sila...(gangguan).

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):**

Dato' Speaker, Dato' Speaker tidak menjelaskan bahagian mana soalan saya itu....(gangguan). Dikatakan tidak jelas. Sebab soalan saya ada dua bahagian, projek-projek manakah sebelum ini dalam Lampiran A, satu lampiran. Hanya ada satu lampiran yang diberikan oleh kerajaan sebelum ini.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Bukit Tengah...(gangguan).

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):**

Senarai itu tidak jelas dan apakah tindakan yang diambil untuk mendapatkan kelulusan projek-projek tersebut. Jelas. Berapa daripada projek-projek tersebut yang sebelum ini.....(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Bukit Tengah...(gangguan).

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):**

Sekarang diluluskan. Berapa? Jelas. Kalau sekiranya boleh saya meminta Dato' Speaker memberi penjelasan di bahagian mana soalan saya tersebut dikatakan tidak jelas. So saya boleh membuat pindaan ataupun meminta Dato' Speaker untuk mempertimbangkan semula. Kalau tak silap saya...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli Kawasan Bukit Tengah...(gangguan). Cukup...(gangguan).

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung)**

Setiausaha Dewan juga mempunyai kuasa untuk meminda soalan-soalan kita kalau diperlukan....(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Cukup. Cukup....(gangguan).

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung)**

Dato' Speaker sebab ini adalah Dewan yang mulia kita hanya ada dua kali setahun untuk bertanya.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tak apa. Nanti bangkitkan soalan ini dalam sesi perbahasan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):**

*Then* tak perlulah untuk membuat soalan-soalan kalau begitu....(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli Kawasan Bukit Tengah perlu tahu soalan anda. Kalau nanti saya tunjukkan soalan tersebut kepada semua, semua akan tidak jelas kerana anda angkat kesempatan ini untuk panjang lebar untuk perelaskan soalan tersebut baru orang tau. Kalau tak ada, siapa tau soalan no.7 itu. Anda cuba tulis soalan no.7, rujuk kepada soalan no.7..soalan no.7...(gangguan).

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):**

Memang Dato' Speaker dirujuk dalam soalan saya adalah jawapan yang diberi kepada soalan no.7....(gangguan).

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli Kawasan Bukit Tengah cukuplah....(gangguan).

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung)**

Ini adalah amalan biasa Dato' Speaker. Bukan saya nak mencabar kuasa dan budi bicara Dato' Speaker...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tau sudah....(gangguan).

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):**

Ini adalah satu perkara yang penting. Kalau soalan saya dibenarkan tak perlu saya akan menjimatkan masa Dewan ini juga. Tak perlu untuk saya membangkitkan semula semasa perbahasan....(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang Berhormat, anda telah membazirkan masa Dewan ini....(gangguan).

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):**

Sebab Dato' Speaker tak bagi tahu....(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Kalau anda nak ikut amalan Parlimen, sila ke Parlimen....(gangguan).



**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung)**

Ini bukan pasal Parlimen....(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ini amalan saya dan ini Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri yang buat ketetapan itu....(gangguan).

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):**

Dato' Speaker kalau memberi saya penjelasan... (gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Dan saya telah pun memberi peluang anda boleh membangkitkan soalan dalam sesi perbahasan. Saya nak tunjuk....(gangguan).

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):**

Kalau Dato' Speaker boleh memberi penjelasan bahagian mana soalan saya tidak jelas maka *then I* boleh terima.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli Kawasan Bukit Tengah, saya rasa anda telah membazirkan masa. Soalan anda terlalu tidak jelas bagi sesiapa yang membaca soalan tersebut. Apakah merujuk kepada soalan 7 itu memaksudkan kalau anda tak jelaskan tadi. Tak ada orang akan tau apa itu soalan 7 yang dulu.

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):**

Dato' Speaker, kalau tak jelas.. kita ada *Legal Advise* di sini. Mungkin *State Legal Advise* boleh membantu... (gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

*State Legal Advise* pun tak ada hak untuk menolak melainkan Yang di-Pertua. Sila duduk. Saya tak mau buang masa lagi. Lain kali kalau nak buat soalan, buat yang jelas untuk maksud saya fahamkan. Itu sahaja. Saya rasa ini tak pernah berlaku cuma Ahli Kawasan Bukit Tengah sahaja yang bangkit soalan sebegini. Sila. Saya nak sambungkan urusan mesyuarat hari ini.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Jawapan kepada soalan-soalan bertulis telah diletakkan di atas meja ahli yang bertanya selaras dengan Sub Peraturan 15(1)(h) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan akan dimasukkan dalam Penyata Rasmi.

**Setiausaha Dewan:**

Soalan lisan.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee):**

Dengan izin Dato' Speaker, soalan saya nombor 1.

- No. 1. Adakah Kerajaan Negeri akan mematuhi pinndaan baru pada Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 terutamanya Seksyen 20B dan Seksyen 21A yang mengkehendaki *Social Impact Assessment* dan Analisa dilakukan terlebih dahulu untuk pembinaan infrastruktur utama negara seperti PTMP (Penang Transport Master Plan)?

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh Deo):**

Dengan izin Dato' Speaker. Terima kasih kepada Ahli daripada Kawasan Kebun Bunga yang bertanya tentang pindaan baru pada Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976, iaitu secara khususnya Seksyen 20B dan 21A yang sekarang mengkehendaki *Social Impact Assessment* dilakukan, dan bagaimana sama ada ia dilakukan untuk rancangan *Penang Transport Master Plan* di Pulau Pinang.

Bagi menjawab beliau, Dato' Speaker, Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Perancang Negeri Pulau Pinang, satu mesyuarat khas yang diadakan pada 16 Ogos tahun ini, telah meluluskan pemakaian pindaan Seksyen 20B dan Seksyen 21A di dalam Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976.

Berhubung perkara ini, Kerajaan Negeri amat komited dalam memastikan projek-projek di bawah pelaksanaan *Penang Transport Master Plan* dan juga mana-mana perancangan lain juga, akan mematuhi syarat-syarat yang diwajibkan menerusi pelbagai peruntukan undang-undang yang sedia ada. Ini termasuklah Dato' Speaker, pematuhan kepada Akta Perancangan Bandar Dan Desa yang mewajibkan sekarang, penyediaan dan pengemukaan '*Social Impact Assessment*' ataupun SIA.

Bagi pelaksanaan PTMP, fasa pertama iaitu Projek Bayan Lepas *Light Rail Transit (LRT)*, Projek *Pan Island Link (PIL 1)* dan Projek Jalan-Jalan Utama, *Social Impact Assessment* ataupun SIA ini telah pun dilaksanakan dan dikemukakan kepada jabatan-jabatan teknikal berkenaan untuk kelulusan. Kerajaan Negeri juga telah memberi komitmen yang tinggi untuk melaksanakan semua langkah-langkah mitigasi yang disarankan di dalam laporan tersebut, bagi memastikan pelaksanaan PTMP ini berjalan dengan lancar, dan Kerajaan Negeri akan terus memastikan pematuhan undang-undang bagi semua projek di bawah PTMP. Sekian, Dato' Speaker.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Soalan tambahan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Ini menyentuh tentang *Social Impact Assessment* yang saya rasa telah dibangkitkan oleh pelbagai pihak berkaitan dengan projek PIL 1 dan juga lebuhraya yang baru yang dilaksanakan. Jadi, minta penjelasan daripada pihak Datok Keramat, adakah projek ini akan diteruskan jika terdapat *Social Impact Assessment* yang tidak boleh diselesaikan, tidak boleh diambil tindakan, oleh pihak Kerajaan Negeri. Adakah ia akan diteruskan, kerana kita lihat banyak berlaku dari segi *Social Impact Assessment* kepada kawasan yang terlibat dengan pembangunan PIL 1 dan juga lebuhraya ini. Berlaku banyak '*Social Impact Assessment*' dari segi sekolah, dari segi tempat kubur-kubur dan sebagainya yang akan melalui kawasan yang terlibat dan ini akan mengakibatkan satu kesan sosial kepada keseluruhan kawasan yang akan berlaku pembangunan ini. Minta penjelasan.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh Deo):**

Terima kasih pada rakan saya daripada Sungai Dua untuk soalan yang baik itu. Sepertimana saya nyatakan, Kerajaan Negeri memang telah pun menerima pakai pindaan kepada Akta Perancangan Bandar Dan Desa yang sekarang mengkehendaki *Social Impact Assessment*. Untuk makluman semua, sebelum pindaan ini berlaku memang juga ada kehendak untuk *Social Impact Assessment* dilakukan. Tetapi ia cuma satu kehendak di dalam *Environmental Impact Assessment*. Dulu EIA, dalam EIA ada pelbagai perkara yang perlu kita lihat, dan salah satunya ialah *Social Impact Assessment infact is was there already*. Tetapi sekarang, pindaan ini secara khusus memerlukan *a stand alone Social Impact Assessment* yang adalah begitu terperinci *which is better* kepada kita Negeri Pulau Pinang, kita hendak begitu. Oleh itu kita menerima pakai pindaan tersebut. Dan '*Social Impact Assessment*' untuk PTMP iaitu jalan-jalan yang saya sebut tadi dan PIL 1 dan LRT, memang memperincikan apakah permasalahan yang ada. Dan bukan sahaja setakat itu, tetapi ia menyarankan apakah langkah-langkah yang boleh diambil sepertimana saya nyatakan untuk memitigasikan permasalahan tersebut dan Kerajaan Negeri memang komited, kita akan lihat pada SIA tersebut, kita akan ambil langkah-langkah yang tersebut untuk memitigasikan apa-apa impak sosial pun yang ada sepertimana Sungai Dua kata tadi dan kita akan teruskan dengan projek ini. Sekian Dato' Speaker.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih, Datok Keramat. Seterusnya saya ingin sila soalan yang nombor 2.

**Ahli Kawasan Batu Lintang (YB. Ong Ah Teong):**

No. 2. Apakah jenis sukan yang semakin meningkat naik prestasinya semasa temasya Sukan Malaysia (SUKMA) 2018?

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee) :**

Terima kasih Dato' Speaker. Saya jawab soalan nombor 2.

Kontinjen Negeri Pulau Pinang di bawah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang telah menyertai Kejohanan Sukan Malaysia Ke-19 di Perak tahun 2018 pada 11 hingga 22 September yang bertempat di Negeri Perak Darul Ridzuan.

Pencapaian pungutan pingat dalam acara SUKMA tahun 2018 telah meningkat berbanding dengan SUKMA tahun 2016 yang lepas. Pada tahun 2016, jumlah pungutan pingat yang berjaya diraih oleh Kontinjen Pulau Pinang adalah sebanyak 26 Emas, 12 Perak dan 29 Gangsa. Manakala pada tahun 2018, Kontinjen Pulau Pinang telah berjaya meraih sebanyak 32 Emas, 30 Perak dan 30 Gangsa. Jadual pertandingan pungutan pingat akan dibekalkan di Lampiran A dan diedar kepada saudara...?

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Batu Lancang.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee) :**

Batu Lancang. Secara amnya, Sukan Akuatik Renang, Badminton, Gimnastik Artistik, Judo dan Karate telah berjaya mendapat pingat emas yang lebih berbanding dengan sasaran pihak persatuan sukan negeri. Manakala sukan-sukan seperti memanah, pencak silat, petanque, sepak takraw, tinju, wushu pula telah memenuhi sasaran kutipan pingat sebagaimana yang disasarkan oleh pihak persatuan negeri masing-masing.

Selain itu, satu rekod SUKMA juga berjaya dipecah oleh Pasukan Memanah Compound Lelaki Pulau Pinang pada 21 September di Universiti Teknologi Petronas.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):**

Dato' Speaker, soalan tambahan. Terima kasih. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan pelaksanaan program sepodium untuk atlet bagi kategori sukan-sukan yang tidak mempunyai pencapaian yang baik ini.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):**

Terima kasih soalan tambahan daripada Batu Lancang. Program Podium adalah sebagai salah satu program ataupun inisiatif yang ditanggung oleh KBS iaitu peringkat Menteri untuk merealisasikan pingat emas pertama Malaysia di Sukan Olimpik Tokyo pada tahun 2020 yang akan datang. Selain daripada muncul 10 pasukan terbaik pada Sukan Asia dan juga Sukan Komanwel yang lepas. Ketika ini program podium tidak dilaksanakan di peringkat negeri, tetapi di peringkat negeri Majlis Sukan Negeri sentiasa menyokong usaha pembangunan sukan yang dilaksanakan di peringkat Persekutuan dan juga kita sentiasa memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan seperti kalau ada sesetengah sukan di mana prestasi-prestasi atlet-atlet yang baik maka kita akan membantu mereka untuk diserap kepada program podium negara yang di mana mereka layak.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih. Seterusnya saya ingin persilakan Pengkalan Kota.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):**

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya, nombor 3.

No. 3. Apakah perancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang terhadap dasar *Repopulating George Town*?

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Terima kasih Dato' Speaker dan pada rakan saya daripada Pengkalan Kota yang bertanyakan "Apakah perancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang terhadap dasar *Repopulating George Town*".

Dato' Speaker, pengiktirafan Bandar George Town sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO, secara tidak langsung telah menyebabkan permintaan tinggi terhadap hartanah di kawasan George Town dan seterusnya berlaku peningkatan harga hartanah yang mendadak. Keadaan ini telah menyebabkan perpindahan penduduk keluar daripada kawasan George Town.

Faktor-faktor berlakunya perpindahan ini adalah kerana penduduk ataupun pemilik premis tempatan bertindak menjual hartanah bagi mendapat keuntungan yang tinggi. Selain itu, terdapat juga pemilik hartanah yang bertindak menaikkan kadar sewa premis dan menyebabkan penyewa asal tersebut tidak mampu menampung kos yang tinggi hingga terpaksa keluar dari George Town, dan menyewa di kawasan yang lebih rendah nilainya. Hal ini merupakan salah satu faktor yang menyebabkan banyak pengusaha berhenti beroperasi dan penduduk tempatan berpindah keluar dari George Town.

Bagi menangani isu pemindahan keluar ini, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bersama Kerajaan Negeri sedang giat melaksanakan projek-projek rejuvenasi bagi membaik pulih, mengiat semula dan menghidupkan kembali kawasan George Town.

Perancangan dasar *Repopulating George Town* adalah dengan tujuan seperti berikut iaitu :

- (i) Mengekalkan kehidupan berbilang budaya warisan tempatan;
- (ii) Memelihara hubungan rapat masyarakat dengan dan hubungan budaya sosial mereka;
- (iii) Mengurangkan perpindahan perniagaan tempatan dan tradisi dan kediaman yang sedia ada;
- (iv) Mengekalkan kepelbagaian demografi penduduk;
- (v) Meningkatkan bilangan perniagaan di dalam Tapak Warisan George Town;
- (vi) Mengurangkan bilangan hartanah yang kosong dan tidak di diami;
- (vii) Mengekalkan orang yang bekerja dan tinggal di bandar;
- (viii) Memperbaiki dan menambah baik kemudahan dan infrastruktur awam; dan,
- (ix) Menaik taraf taman-taman yang ada dan reruang awam termasuk lorong belakang.

Dato' Speaker, selain itu MBPP juga dalam perancangan untuk melaksanakan projek penetapan semula penduduk dalam kawasan Tapak Warisan Dunia George Town dengan memperkenalkan konsep *micro-housing* di mana rumah kedai sedia ada untuk disewa kepada

penduduk tempatan dengan kadar yang berpatutan di dalam Tapak Warisan dan menggalak pemaju-pemaju swasta juga untuk menguna pakai konsep tersebut.

MBPP turut melaksanakan projek-projek menaik taraf infrastruktur awam seperti pasar, perabot jalan dan taman-taman awam, dan merejuvenasi lorong-lorong belakang serta mempertingkatkan kemudahan pengangkutan di sekitar George Town bagi memastikan Bandaraya ini lebih terjaga, lebih selamat, lebih bersih dan mesra orang awam di samping menggalakkan Tapak Warisan Dunia George Town terus hidup dan berpenghuni.

Bagi Tapak Warisan Dunia George Town yang berkeluasan 259.42 hektar, Kerajaan Negeri melalui George Town World Heritage Incorporated telah mengenal pasti tipologi pemilik bangunan termasuk bangunan dan warisan Kategori I dan II, Kategori Pengisian dan Kategori Penggantian. Lanjutan daripada itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga telah melalui GTWHI tersebut mewujudkan *Heritage Habitat Seed Fund* yang merupakan salah satu insentif yang dijalankan bagi menggalakkan lebih ramai penduduk untuk mendiami kawasan ini.

Dato' Speaker, dana sebanyak RM3 juta telah disalurkan untuk membantu pemilik bangunan warisan Kategori II di dalam Tapak Warisan Dunia George Town yang menyewakan bangunan mereka dalam tempoh yang panjang. Ia bertujuan untuk mengiktiraf sumbangan pemilik bangunan warisan dan penyewa yang menyewa di dalam tempoh yang panjang demi memelihara warisan budaya dan Nilai-Nilai Keunggulan Sejahtera Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Bangunan-bangunan warisan tersebut, termasuk di bawah milikan klan dan Persatuan Cina, Pemegang Amanah dan Kebajikan, Wakaf Hindu, Majlis Agama Islam Pulau Pinang serta pemilik individu tempatan yang lain. Insentif ini akan dirasmikan pada 24 November ini, di mana pemilik bangunan warisan yang terpilih akan menerima bantuan kewangan untuk membiayai pembelian bahan-bahan binaan dan yuran professional bagi kerja-kerja pembaikan fizikal atau pemuliharaan bangunan mereka. Kerja pemuliharaan perlu mengikut garis panduan pemuliharaan seperti di dalam Rancangan Kawasan Khas Tapak Warisan Dunia George Town dan pemilik yang memohon insentif ini akan dapat menaik taraf persekitaran hidup penyewa mereka dan akan dapat memanjangkan perjanjian penyewaan pada kadar kenaikan harga sewa yang dipersetujui bersama.

Dato' Speaker, antara inisiatif lain yang dilaksanakan adalah projek *Linking World Heritage Sites, Local Cultural Assets through museums, information centres and creative industries...*(dengan izin), yang dilaksanakan bersama dengan UNESCO dan George Town World Heritage Incorporated. Projek-projek ini bertujuan membangunkan, menjenamakan, memasarkan dan mempromosikan produk-produk industri kreatif Tapak Warisan Dunia George Town terutamanya aset budaya tempatan sekali gus menggalakkan pelancongan mampan dan meningkatkan ekonomi tempatan menerusi kerjasama antara awam, profesional dan swasta. Sekian, terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):**

Soalan Tambahan.

## Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

### Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):

Terima kasih, terima kasih atas jawapan yang diberikan oleh YB Datuk Keramat. Kita semua maklum bahawa bandar George Town menjadi muram akibat daripada pemansuhan Akta Kawalan Sewa yang telah dilaksanakan oleh kerajaan Barisan Nasional yang terdahulu, yang mengakibatkan banyak penghuni di George Town telah berpindah keluar, mengakibatkan kawalan sewa yang tidak dapat dikawal. Soalan saya sebenarnya adalah berkenaan dengan konsep *micro housing* seperti mana di dalam jawapan Yang Berhormat Datuk Keramat, sama ada konsep *micro housing* ini akan diusahakan oleh Kerajaan Negeri ataupun dari sektor swasta memandangkan sebenarnya Pulau Pinang merupakan perintis untuk *housing* di dalam kawasan bandar, dengan contohnya seperti *people's court* yang telah dibangunkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan terlebih dahulu. Jadi soalan yang saya hendak dapatkan sama ada usaha ini akan dijalankan oleh Kerajaan Negeri ataupun sektor swasta? Terima kasih.

### Ahli Kawasan Datuk Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih rakan saya dari Pengkalan Kota atas soalan tambahan tersebut. Dato' Speaker, apabila Akta Kawalan Sewa dimansuhkan, pemansuhan itu berkuatkuasa pada tahun 2001. Kita lihat bahawasanya di dalam kawasan George Town hampir-hampir menjadi satu *ghost town*, penghuni semua keluar kerana kadar sewa telah naik kerana tiada kawalan sewa. Itu adalah tujuan dan objektif Akta Kawalan Sewa. Jadi apa yang berlaku apabila kita mendapat pengiktirafan George Town sebagai World Heritage Site pada tahun 2008, kita lihat ada banyak orang yang hendak kembali masuk kepada George Town. Tetapi apa yang berlaku adalah kita lihat sewa naik secara mendadak yang menyebabkan penyewa-penyewa terutamanya peniaga-peniaga tradisi yang kita perlu untuk pelihara untuk pengiktirafan UNESCO tersebut. Antara lain, pengiktirafan itu tidak sahaja melihat kepada bangunan-bangunan, ia melihat kepada perniagaan tradisi, budaya dan sebagainya. *The house standing universal values by means....*(dengan izin). Kita lihat penting untuk kita dapat kembali penyewa-penyewa asal tersebut dan apa yang berlaku, *infact*, pada asalnya dalam penggal terdahulu, saya sebagai EXCO Perumahan telah diminta oleh mantan Ketua Menteri bersama-sama Ketua Menteri sekarang untuk mengkaji sama ada kita hendak menghidupkan semula Akta Kawalan Sewa tersebut, *we are asked to do actually the study*.

Saya boleh melaporkan kepada Dewan ini bahawa kita memang telah buat kajian dan didapati bahawasanya hendak mewujudkan semula akta tersebut tidak mempunyai banyak aspek yang positif tetapi kita perlu menangani juga isu kadar sewa yang naik secara mendadak tetapi bukan melalui kaedah memperkenalkan semula akta tersebut.

Jadi, kita lihat kepada banyak kaedah lain yang diamalkan di bidang kuasa ataupun negara lain. Antara lain, kita lihat ialah kita lihat *micro housing*. Apa maksud *micro housing*, Dato' Speaker. Ia bermaksud sebegini. Sekiranya ada satu kedai pejabat atau kedai perniagaan di kawasan UNESCO, George Town, dua tingkat secara lazimnya. Kalau sewa untuk keseluruhan kedai itu adalah RM6,000.00 atau RM7,000,00 sebulan terlalu mahal. Jadi, apa berlaku ialah kita perkenalkan satu konsep di mana kita bahagikan ruang di dalam bangunan tersebut, bahagian bawah sekarang kita hendak ia digunakan untuk perniagaan. Kita harap perniagaan tradisi akan kembali. Bahagian atas kita bahagikan kepada dua atau tiga unit di mana kita akan

dapat sewakan kepada orang yang hendak sewa sebagai tempat kediaman. Di mana sewa itu sekarang, keseluruhan sewa yang saya sebutkan tadi iaitu RM6,000.00 atau RM7,000.00 itu dapat kita kongsi antara beberapa orang yang akan menyebabkan kadar sewa tersebut itu turun dan menyebabkan ia lebih mampu disewa oleh orang. Untuk jawapan kepada Pengkalan Kota yang tanya tentang sama ada ini projek Kerajaan Negeri ataupun projek swasta, kita lihat MBPP sudah pun melaksanakan satu projek di Lebuhraya Kimberley yang mana hampir siap. Kita akan buat pengumuman tidak lama lagi, mungkin bulan ini juga ataupun awal bulan hadapan. *In front of our* projek perintis yang sudah siap. Saya percaya tujuh (7) unit yang akan digunakan untuk kaedah *micro housing* ini. Tetapi ia tidak berhenti di situ kerana Kerajaan Negeri hendak menunjukkan satu contoh ataupun teladan kerana kebanyakan premis di dalam kawasan UNESCO, George Town kita lihat telah pun dibeli oleh orang-orang ataupun pihak swasta dan kita harap mereka juga akan turut ikut sama kaedah ini kerana mereka akan bergantung kepada *market sources*, mereka pun tidak boleh pergi ke *market* atau pasaran, minta satu kadar sewa yang begitu tinggi kerana tidak akan ada *takers*..(dengan izin) Dato' Speaker. Jadi dengan konsep kita ini kita harap pihak swasta juga dapat ikut sama supaya kita boleh berjaya dalam proses *repopulating* George Town. Sekian.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Datuk Keramat. Izin, saya persilakan YB. Machang Bubuk.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih Dato' Speaker. Soalan saya soalan 4.

No.4. Sejauh manakah persiapan Kerajaan Negeri dalam mewujudkan radio atau sistem komunikasi khas apabila berlaku isu bencana alam seperti banjir.

(a) Bagaimana sistem alarm seperti 'Penang Alert' membantu rakyat khususnya kawasan yang berisiko tinggi untuk bersiap sedia"

(b) Adakah kerajaan bersedia untuk pasang 'Tsunami Detector System' di persisiran pantai.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Dato' Speaker, izinkan saya menjawab soalan 4 daripada YB. Machang Bubuk. Pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah bekerjasama dengan pihak Kementerian Tenaga Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim melalui agensi-agensinya iaitu Jabatan Meteorologi Malaysia (MMD) dalam menyalurkan maklumat berkenaan dengan ramalan dan amaran cuaca buruk kepada agensi-agensinya pengurusan bencana melalui faks, emel dan SMS. Manakala penyebaran amaran cuaca kepada orang ramai adalah melalui laman web: [www.met.gov.my](http://www.met.gov.my), siaran televisyen, tv, *crawler tv*, media sosial, facebook, [malaysiamet](https://www.facebook.com/malaysiamet), [twitter@malaysiamet](https://twitter.com/malaysiamet) dan juga whatsapp dan hotline di talian 1 300 22 dan 1Met 1638.

Sehingga kini Jabatan Meteorologi Malaysia tidak mempunyai radio atau sistem komunikasi yang khas untuk digunakan apabila berlaku bencana. Namun demikian, Jabatan Meteorologi Malaysia telah mengadaptasi inovasi aplikasi mobil dengan membangunkan aplikasi myCuaca versi 2.0 yang dapat memberikan maklumat cuaca dan gempa bumi untuk diakses kepada bila-bila masa menggunakan peranti telefon pintar oleh orang ramai. Aplikasi myCuaca



ini boleh dimuat turun melalui *Google Playstore* dan *Apple Apps Store*. Pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga telah bekerjasama dengan Jabatan Meteorologi Malaysia dalam melaksanakan dan mengembangkan portal RakanMet iaitu medium interaksi dua hala antara MMD dan orang ramai bagi perkongsian maklumat sahih mengenai perkembangan cuaca semasa di negeri ini.

Portal Penang Alert telah dilancarkan pada 7 Mac 2018 merupakan fasa pertama kepada usaha Kerajaan Negeri untuk meningkatkan penyaluran informasi awal berkaitan bencana mahupun perkara-perkara yang akan mengganggu urusan dan perjalanan harian rakyat seperti penutupan jalan-jalan utama, tanah runtuh, pokok tumbang dan sebagainya. Portal ini boleh dilayari melalui alamat *url* <http://alert.penang.gov.my> atau dicapai di laman utama portal rasmi Kerajaan Negeri di alamat portal: [www. penang.gov.my](http://www.penang.gov.my) .

Manakala untuk fasa kedua Penang Alert pada tahun ini, Kerajaan Negeri bercadang untuk meningkatkan fungsi Penang Alert dengan penambahan saluran melalui aplikasi mudah alih (*mobile apps*). Informasi yang disalurkan di Portal Penang Alert melibatkan kolaborasi dengan jabatan/agensi utama iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Pejabat-pejabat Daerah, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Kerja Raya, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Majlis Perbandaran Seberang Perai, Jabatan Meteorologi, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang dan Jabatan Alam Sekitar. Semua informasi yang dimuatnaik adalah maklumat sahih dan betul yang telah mendapat pengesahan dari jabatan-jabatan dan agensi berwajib sebelum dibuat pemberitahuannya kepada umum. Dan maklumat-maklumat ini boleh di *download* melalui *apple store* dan juga *google playstore*.

Pada masa kini, Malaysia telah mempunyai sistem pemantauan tsunami yang merangkumi rangkaian tolok pasang surut iaitu alat yang mengukur perubahan paras air laut, kamera pantai untuk memantau keadaan laut dan juga siren tsunami untuk menghebahkan maklumat waspada, nasihat dan amaran tsunami kepada orang ramai yang terdedah kepada bahaya tsunami. Rangkaian tolok pasang surut, kamera pantai dan siren tsunami ini telah di pasang di persisiran pantai sepanjang perairan Malaysia, Sabah dan Sarawak. Pada masa kini terdapat sebanyak 1 tolok pasang surut, 3 kamera pantai dan 12 siren tsunami yang telah pun dipasang di kawasan yang berisiko berlaku tsunami di Negeri Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Machang Bubok (YB. Lee Khai Loon):**

Soalan Tambahan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Silakan.

**Ahli Kawasan Machang Bubok (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Puyu. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Sungai Puyu, setujukah Yang Berhormat tentang kesedaran penduduk di Negeri Pulau Pinang dan juga seluruh negara amnya memang masih rendah terhadap persiapan apabila berdepan dengan bencana alam seperti banjir besar yang telah berlaku pada tahun yang lepas. Salah satunya, pada usul tergepang yang telah kita berbahas pada sidang DUN yang lepas, memang kita juga ada berbincang tentang bagaimana kita hendak mempertingkatkan sistem komunikasi iaitu bagaimana hendak menyampaikan maklumat-maklumat kepada rakyat supaya

mereka boleh mengambil tindakan-tindakan untuk bersiap sedia dan tidak akan berlaku kalam kabut apabila bencana tiba di kawasan kita.

Adakah sistem radio itu bukan maklumat-maklumat yang telah dikatakan tadi oleh Yang Berhormat Sungai Puyu yang terletak di laman-laman web tetapi semasa berlakunya bencana alam sekiranya seperti banjir kilat, banyak jalan-jalan tertutup atau tidak boleh di seberangi. Bagaimana kita hendak sampaikan maklumat-maklumat itu kepada penduduk-penduduk yang berada di kawasan itu. So itu sistem komunikasi khas untuk bencana alam. Apakah usaha yang telah kita buat sepanjang satu tahun ini?

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Dato' Speaker, memang Kerajaan Negeri berkehendakkan maklumat dari Jabatan Meteorologi. Baru-baru ini dalam bulan November ini kita telah menerima maklumat dari Meteorologi Department yang mengatakan kita perlu bersiap sedia pada 7 dan 8 haribulan, ia sudah oren dan kuning tetapi tidak jadi. Kita tidak salahkan mereka, pada masa ini mereka menggunakan alatan lama yang diwariskan oleh Barisan Nasional. Dan di sini juga saya nak kata macam ini, Kerajaan Negeri telah ambil peluang untuk bagi ambil kursus. Tiga (3) kursus telah dijalankan di Negeri Pulau Pinang untuk pegawai-pegawai khas kerajaan, jabatan-jabatan yang bersabit dan juga untuk ADUN-ADUN juga telah dijalankan. Saya tidak mahu umumkan di sini apa ketidakpuasan hati saya, bila saya adakan kursus untuk ADUN dan lain-lain tetapi Kerajaan Negeri memang telah siap sediakan. Baru-baru ini, *Penang Alert* telah boleh *download*, *Penang Alert*. Kalau hendak *Penang Alert* *download* di sana, semua maklumat-maklumat terkini selepas telah disahkan oleh jabatan-jabatan, baru boleh di *download* untuk *Penang Alert*. So melalui sana boleh. Akan tetapi juga kalau boleh kami ingin nak wujudkan di setiap-setiap KADUN di mana pemimpin boleh, pemimpin masyarakat termasuk ADUN, supaya jikanya ada apa-apa yang terjadi di sana, apakah SOP untuk bencana, apakah perhubungannya telah dibuat. Ini juga kami telah ada komunikasi dengan dipanggil GLC - *Disaster Resources Networking* juga telah dihubungi.

Kita juga telah berhubung dengan *marine*. *The marine* untuk semua lebih kurang 2000 orang kata *unsurfaced rate* juga telah ada mesyuarat iaitu telah siap sedia bila-bila masa mereka juga boleh *download*. Itu adalah beberapa *Apps Communication* yang boleh dijalankan. Iaitu kata macam *marine* mereka ada dua, dua hala di mana nelayan-nelayan apabila di laut mereka boleh berhubung kepada *navy control center* bahawa mereka berhadapan masalah ini dan dengan itu dia juga menggunakan *location* terus boleh dapat.

Itulah ada banyak-banyak yang dapat Kerajaan Negeri telah wujudkan dan mereka bekerjasama dengan agensi-agensi yang mencegah bencana. Ini telah dibuat seperti perhubungan *networking* semua telah siap sediakan. So saya berharap bahawanya siapa yang masih minat boleh jumpa saya dan juga saya boleh juga wujudkan satu kursus semula untuk sesiapa yang belum hadir dan masih minat.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ya, Sungai Dua.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Terima kasih Sungai Puyu kerana saya nampak dah ada persediaan. Cuma apa yang saya nak kepastian daripada pihak Sungai Puyu, bencana alam ini bila berlaku, kadang-kadang masalahnya kita tidak ada persediaan dari segi masyarakat, rakyat yang menghadapi bencana alam. Jadi kita nak Kerajaan Negeri wujudkan kumpulan-kumpulan yang akan membantu bila berlaku bencana alam selain daripada jabatan-jabatan yang terlibat. Jabatan-jabatan ini telah mencukupi tetapi orang tak cukup. Mungkin Pertahanan Awam, Bomba tenaganya tidak mencukupi. Jadi kena ada kelompok atau orang di peringkat masyarakat yang akan membantu dari segi bencana alam.

Keduanya dari segi *Penang Alert* ini, apakah *Penang Alert* ini terlibat juga dalam bencana alam selain daripada banjir iaitu runtuh tanah yang berlaku, adakah ada *alert* untuk kawasan yang terlibat dengan runtuh tanah kerana ia akan berlaku di atas bukit dan akan turun ke bawah. Dan akan menghadapi masalah peringkat masyarakat, rakyat yang berada di kawasan bawah runtuh bukit. Adakah ini juga terlibat dalam *Penang Alert* kerana ini masalah telah berlaku dua, tiga kali. Saya tidak mahu berlaku lagi di kawasan Pulau Pinang ini.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Terima kasih Ahli Yang Berhormat daripada Sungai Dua. Memang apa yang dikatakan oleh Sungai Dua memang betul. Daripada agensi-agensi kerajaan, jabatan-jabatan tak mencukupi. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri pada tahun 2009 telah wujudkan PPS, PPS kita ada 9000 ahli-ahlinya yang boleh bergerak bila-bila masa tetapi Barisan Nasional haramkan dia. Itulah masalah. Pada tahun 2004, saya bila jadi Ketua Pembangkang, saya...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Sungai Puyu jawab...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Duduk dulu, saya jawab, saya jawab. Bila saya sebagai Ketua Pembangkang dalam Dewan yang mulia ini, saya telah memohon kerana ada satu arahan daripada Kementerian bahawanya semua ADUN boleh jadi Leftenan Kolonel Kehormat dalam RELA, saya mohon. Dia kata tak boleh, untuk Pembangkang tak boleh, hanya Barisan Nasional boleh. Tahun 2008 bila saya sudah jadi EXCO di sini, saya lagi mohon, dia kata tak boleh kerana anda adalah parti Pembangkang, hanya daripada Barisan Nasional boleh. Itulah Barisan Nasional, saya nak jawab.

laitu kata, pada kini, di Negeri Pulau Pinang kita ada 35 Bomba Sukarela. Kerajaan Negeri telah *sign MOU* dengan banyak NGO seperti Tzu Chi dan Tzu Chi itu dalam Dewan yang mulia ini, telah baca *handsard*, bila Tzu Chi tolong pada masa tsunami, saya berdiri di sana berucap saya kata ribuan terima kasih kepada Tzu Chi kerana Tzu Chi telah bantu. *First NGO to organize*, siapa kata tak ada? Siapa kata tak ada? Belah sana kata tak adalah. Bila mereka bagi nasi, nasi buang kerana dia cakap ini nasi bukan halal. Apabila *vegetarian*, dalam Dewan yang mulia ini, baca *handsard*, adakah bencana boleh main politik? Tidak boleh.

Oleh demikian, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan di sini siap sediakan untuk semua. Macam mana SOP kena ikut, macam mana nak buat, ada kursus-kursus untuk ini dan kalau nak kata ini siap sediaan, saya masih ingat bila ada satu mesyuarat khas yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada masa itu di Bukit Mertajam, ada satu mesyuarat khas berkenaan banjir 4 haribulan, 5 haribulan November 2016. Apakah tuduhan-tuduhan terhadap Kerajaan Negeri dan juga pegawai-pegawai kerajaan? Dia kata tidak ada bantuan sampai pada mangsa. Walhalnya...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sungai Puyu jawab apa yang ditanya.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Walhalnya, dia kata tak ada, saya nak bagi walhalnya apa. Walhalnya dia ada kata, kita buka pusat perkhidmatan, pusat permindahan PPS, pusat permindahan sementara ada di sana tetapi tidak ada saluran. Mengapa tidak ikut SOP oleh Barisan Nasional, dia nak main politik, dia buka sendiri punya di sana, dia buat tuduhan pegawai-pegawai kerajaan tidak sampai bantuan kepada mereka. Itu Barisan Nasional. Dan di sini saya nak jawab dia tanya, *Penang Portal*, *download Penang Portal* di sana, dia nak nampakkan semua. *You can download* apa-apa di sini juga. So oleh yang demikian, Ahli Yang Berhormat daripada Sungai Dua, macam mana *you* siap sedia pun tak akan menjamin 100% boleh kawal semua. Saya mengakui Jepun siap sedia, semua ada tetapi macam mana? So bila ada bencana, bila ada masalah berkenaan dengan kemanusiaan, rakyat jangan main politik. Kena hati ke hati. Faham tak? Terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Sungai Puyu. Seterusnya saya minta Yang Berhormat Air Itam.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang):**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya soalan nombor lima.

No. 5. Sila nyatakan jumlah permohonan rumah mampu milik di bawah Skim Kerajaan Persekutuan yang telah dicadangkan oleh Kerajaan Negeri melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan?

(a) Nyatakan pecahan permohonan mengikut Daerah, DUN & Skim yang diperuntukan?

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Terima kasih Dato' Speaker dan rakan saya daripada Air Itam yang tanyakan satu soalan yang penting iaitu "Sila nyatakan jumlah permohonan rumah mampu milik di bawah Skim Kerajaan Persekutuan yang telah dicadangkan oleh Kerajaan Negeri melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan".

Bagi menjawab Dato' Speaker, Kerajaan Negeri setakat ini tidak pernah mencadang atau memohon peruntukan bagi pembinaan Rumah Mampu Milik kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Skim-skim perumahan mampu milik di bawah Kerajaan Persekutuan

seperti Program Perumahan Rakyat 1Malaysia ataupun PR1MA dan Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia ataupun PPA1M secara lazimnya merupakan inisiatif daripada agensi yang berkaitan bersama-sama pemain-pemain industri. Untuk Negeri Pulau Pinang, Dato' Speaker, setakat ini rekod kita menunjukkan ada empat (4) projek PR1MA yang telah diluluskan iaitu satu (1) yang merangkumi dua plot di Kampung Kastam, Bukit Gelugor, satu (1) di Batu Feringhi di bahagian Pulau dan satu (1) di bahagian Seberang iaitu di Permatang Pauh.

Di peringkat Kerajaan Negeri pula, jalinan kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan lebih ditumpukan kepada usaha membekalkan unit-unit kediaman kepada golongan berpendapatan rendah melalui Projek Perumahan Rakyat ataupun dikenali sebagai PPR. Sejak 20 April 2017, Kerajaan Negeri telah mengutus beberapa surat kepada Yang Berhormat Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada masa itu bagi mencadangkan tiga lot tanah di kawasan Jelutong yang dilihat berpotensi untuk dijadikan tapak PPR. Itu adalah di dalam zaman Barisan Nasional, Menteri yang berkenaan adalah Tan Sri Noh Omar. Usaha ini telah menunjukkan perkembangan yang positif pada asalnya susulan perubahan tampuk kepimpinan Kerajaan Persekutuan kerana pada waktu dahulu malangnya walaupun dicadangkan satu tapak tersebut di Jelutong dan walaupun telah dinyatakan mereka berhasrat untuk melihat dan menyemak sama ada sesuai untuk digunakan sebagai tapak PPR tersebut tapi tak ada hasil kerana satu perjumpaan yang telah dirancang pada saat-saat akhir telah dibatalkan dan tiada susulan oleh zaman ataupun pentadbiran Barisan Nasional terhadap cadangan kita untuk PPR tersebut di Jelutong.

Tetapi apabila kita masuk ke Putrajaya iaitu Pakatan Harapan, saya telah jumpa dengan Menteri baru, Yang Berhormat Raja Zuraiddin, yang telah dengan begitu cepat sekali meluluskan permohonan kita untuk menggunakan tapak di Jelutong itu untuk tapak PPR. Dan sekarang ia sememangnya di dalam status semakan kesesuaian dan ada langkah-langkah teknikal yang sedang digunakan, dilakukan di peringkat ini. Selain daripada itu, selain daripada mesyuarat pertama yang saya adakan, itu adalah *one to one, me* dengan Menteri. Selepas itu Kementerian telah mengadakan beberapa mesyuarat bersama semua EXCO Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negara Malaysia yang terbaru, baru-baru ini iaitu 4 Oktober lalu, yang mana saya hadir bagi pihak Pulau Pinang. Dan bukan saja kita bincang tentang PPR di Jelutong yang telah pun diluluskan awal lagi tetapi beliau telah memohon supaya lebih tapak dikenalpasti, dia minta semua negeri, bukan Pulau Pinang sahaja tetapi atas permintaan kita, dia setuju, tak perlu satu sahaja, kalau boleh sebelum akhir bulan Oktober tersebut, iaitu bulan dahulu, serahkan senarai tapak-tapak lain dan untuk makluman Dato' Speaker, di Negeri Pulau Pinang kita telah mencadangkan tujuh (7) lagi tapak yang berpotensi untuk pembangunan PPR kerana saya hendak PPR ini bukan sahaja dibangunkan di Timur Laut tetapi Timur Laut permintaan yang tertinggi sekali.

Untuk makluman Dato' Speaker untuk PPR di Pulau Pinang, saya ada senarai menunggu 1500 lebih. Daripada itu 900 adalah daripada Timur Laut dan Timur Laut memang tidak ada PPR. *That's why Jelutong is the first* yang kita cadangkan. Tetapi saya juga berhasrat untuk lihat PPR, lebih PPR dibina di lain-lain daerah di Pulau Pinang dan kita telah cadangkan di semua daerah iaitu di Barat Daya, di Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan. Kesemuanya tujuh (7) lot Dato' Speaker. Sekian.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang):**

Soalan tambahan, Dato' Speaker.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang):**

Terima kasih Datok Keramat. Soalan tambahan saya. Setakat sekarang berapakah unit kos rendah, kos sederhana rendah dan mampu milik yang telah siap dibina dan adakah pihak unit pemilihan perumahan akan mengadakan mesyuarat yang lebih kerap untuk mempercepatkan proses pemilihan supaya masa yang menunggu dapat dikurangkan. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Terima kasih Air Itam untuk soalan tambahan yang begitu baik sekali. Untuk makluman Dato' Speaker, apa yang berlaku dalam manifesto kita untuk PRU 14, untuk aspek perumahan, salah satu daripada apa yang kita janji ialah kita akan membina dan membekalkan sejumlah 76,000 unit rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan mampu milik menjelang 2025. Tetapi untuk makluman Dato' Speaker, selepas PRU 14 apabila kita diminta oleh Ketua Menteri untuk membuat satu *update* tentang status janji-janji kita dalam manifesto Pulau Pinang untuk PRU 14, saya begitu gembira untuk melaporkan bahawa dalam bulan Mei juga, lepas 9 Mei kita telah bukan sahaja menepati janji tersebut iaitu 76,000 tetapi kita melebihinya iaitu hampir 82,000 kos rendah, kos sederhana rendah dan mampu milik yang telah dibina, yang sedang dibina, yang telah diluluskan untuk dibina. Itu Mei dan saya selalu kata setiap sidang DUN saya akan *update* keadaan perumahan Negeri Pulau Pinang. Dan soalan telah datang pada hari yang pertama, so mungkin saya *update* sekarang juga.

Untuk makluman setakat hari ini, di Pulau Pinang iaitu 9 November, sebanyak 28,195 unit rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan mampu milik telah dibina, siap dibina. 24,445 unit kos rendah, kos sederhana rendah dan mampu milik sedang dalam pelbagai peringkat pembinaan. 44,602 unit kos rendah, kos sederhana rendah dan mampu milik telah lulus untuk dibina iaitu 28,195 telah, 24,445 sedang, dan 44,602 akan. Membawa kepada satu angka besar Dato' Speaker, pada hari ini di Negeri Pulau Pinang kita dalam rancangan untuk membekalkan 97,242 unit kos rendah, kos sederhana rendah dan mampu milik kepada warga Pulau Pinang. (*Ahli Dewan menepuk meja*). Hampir 100,000, Dato' Speaker sejak 2008 dan ini selaras dengan apa Perdana Menteri kita baru-baru ini kata, dia berhasrat untuk lihat 1 juta unit rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan mampu milik dibina di seluruh negara. Kita Pulau yang kecil, kita negeri yang kecil, negeri-negeri yang lain kalau ikut teladan kita boleh, kalau kita boleh sampai hampir 100,000 dalam 10 tahun, saya percaya apa yang dihasratkan Perdana Menteri kita sekarang Tun Dr. Mahathir ini akan boleh tercapai sekiranya setiap negeri boleh ikut contoh Negeri Pulau Pinang. Dan itu adalah pencapaian Negeri Pulau Pinang jauh lebih lagi dengan apa yang kita janji dalam manifesto. So Pakatan Harapan Negeri Pulau Pinang memang menunjukkan contoh yang baik.

Kepada soalan Air Itam yang kedua, berkenaan pemilihan. Kita lihat itu adalah begitu penting kerana lepas ada unit ataupun stok, langkah kemudian yang begitu penting ialah pastikan mereka yang benar-benar layak dipilih dan untuk maksud itu, sepertimana semua sedia maklum kita ada satu jawatankuasa dikenali sebagai SPEC, yang bersidang sekurang-kurangnya sebulan sekali. Yang mana ada banyak anggota, ADUN-ADUN yang baru juga ada dalam jawatankuasa ini dan saya setuju dengan Air Itam mungkin kita perlu kerapkan lagi supaya jumlah besar unit yang kita bakal sediakan ini, yang saya sebut tadi, 97,000 lebih ini dapat kita isi. Sekian, Dato' Speaker.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih. Saya bagi Bagan Dalam.

**Ahli Kawasan Bagam Dalam (YB. Satees a/l Muniandy):**

Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua. Seperti yang Ahli Kawasan Datok Keramat telah memberitahu tadi, perumahan adalah sesuatu yang penting untuk masyarakat. Bandar Butterworth khususnya sedang membangun dengan pesatnya. Seperti di bandar George Town, harga hartanah di bandar Butterworth itu sendiri sedang melonjak naik, melambung tinggi.

Ke semua hartanah, harga paling kurang adalah RM200,000 untuk rumah *secondhand* pun. So dan seolah-olah bandar Butterworth sedang menjadi eksklusif untuk orang yang berduit ataupun orang kaya. Dan adakah Kerajaan Negeri seperti yang dinyatakan oleh Ahli Datok Keramat tadi ada tujuh (7) lot dinyatakan akan disediakan untuk pembinaan PPR dan dinyatakan juga di SPU. Adakah Bagan Dalam termasuk dalam tujuh (7) lot tersebut? dan adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk sediakan tanah untuk projek perumahan kepada golongan B40 di kawasan Bagan Dalam khususnya? Terima kasih.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Dato' *Speaker*, berkenaan isu harga hartanah melonjak naik, ini adalah satu perkara yang berlaku di semua bandaraya utama di seluruh Malaysia. Johor Bahru, Selangor, Wilayah Persekutuan dan Pulau Pinang. Dan kita telah pun melaksanakan beberapa program untuk menyejukkan hartanah ataupun pasaran hartanah ini sejak 2014 dan kita lihat Dato' *Speaker*, ada satu *adjustment...*(dengan izin) kepada pasaran hartanah di Negeri Pulau Pinang di mana baru-baru ini menurut NAPIC iaitu satu agensi yang mempunyai semua data dan statistik berkenaan pasaran hartanah, kita lihat di Pulau Pinang dalam laporannya yang terkini, hampir 70% perumahan yang dijual dalam *market* ataupun pasaran pertama, *primary market, not secondary market, not secondhand*, adalah RM500,000 dan ke bawah *which according to REDHA RM500,000 and below supposed to be affordable...*(dengan izin). *But actually, to Penang it is not. We have stated...*(dengan izin), sejak 2014 ini tak mampu milik RM500,000. Kita letakkan satu kadar iaitu satu had maksimum di Pulau, RM300,000, di bahagian seberang, RM250,000 tetapi *it varies, it is not at one price*, dia adalah daripada RM42,000 sehingga RM250,000 di Seberang, di Pulau from RM42,000 sehingga RM300,000. Ada banyak produk. Ada RM42,000, ada RM72,000, ada RM150,000, ada RM200,000, ada RM250,000 sehingga RM300,000. Banyak jenis tetapi Dato' *Speaker*, yang penting saya hendak nyatakan di sini, walaupun 70% dinyatakan NAPIC adalah *affordable which is a substantial 70% in Penang*, saya buat kajian daripada 70% itu, di Pulau Pinang hampir 55% adalah RM300,000 dan ke bawah.

Oleh itu saya kata, Dato' *Speaker*, ada *adjustment* kepada *the market* terhadap langkah-langkah penyejukan yang kita laksanakan. Kita lihat ada hasil dan kita akan teruskan dengan langkah-langkah penyejukan tersebut terutamanya dengan ada harga kawalan terhadap unit-unit yang dibina oleh Kerajaan Negeri dan unit-unit kawalan yang dikehendaki disyaratkan kepada pihak swasta di mana kita kawal dengan had harga juga sama RM300,000. Tetapi Dato' *Speaker*, yang penting saya hendak sebut, apabila Bagan Dalam kata tadi berkenaan dengan rumah PPR, itu begitu penting sekali kerana walaupun kos ataupun harga yang terendah sekali yang saya sebutkan tadi adalah RM42,000 untuk kos rendah, ada golongan yang tak dapat mampu itu pun. Kerana isu atau cabaran terbesar tak dapat pinjaman bank dan saya ingat dalam Belanjawan Negara baru-baru ini, Menteri Kewangan kita iaitu mantan Ketua Menteri Pulau Pinang telah memperkenalkan beberapa langkah yang saya harap dapat lihat kepada kadar penolakan pinjaman tersebut dapat kita tangani dan dikurangkan sedikit. Itu termasuk antara lainnya Dato' *Speaker*, memanjangkan tempoh pinjaman, nombor satu yang saya lihat dalam ucapan belanjawan tersebut dan itu adalah satu daripada cadangan daripada Pulau Pinang apabila saya bincang dengan Bank Negara Malaysia penggal dahulu.

*So we hope to see the high low rejection rate come down but of course*, saya juga difahamkan oleh Menteri Perumahan bahawa satu Dasar Perumahan Malaysia Baharu akan diumumkan bulan depan. Dan di dalam dasar tersebut, satu aspek besar yang akan dilihat kepada adalah kadar penolakan pinjaman ini. Jadi saya harap di dalam dasar tersebut ada lebih kaedah-kaedah lain selain daripada pemanjangan tempoh pinjaman tersebut yang akan diperkenalkan untuk menangani permasalahan kadar penolakan pinjaman ini yang begitu banyak.

Now, Dato' *Speaker*, berbalik kepada soalan daripada Bagan Dalam tadi, apakah di dalam tujuh (7) lot yang saya telah panjangkan kepada Menteri itu, termasuk juga di bahagian Seberang, jawapan dia ialah 'Ya', Dato' *Speaker* iaitu untuk Seberang Perai Utara, kawasan Bagan Dalam sendiri memang ada di Seksyen 4, Ujung Batu, satu (1) lot yang luasnya 4.32 ekar. Di Seberang Perai Tengah, ada tiga (3) lot iaitu satu di Machang Bubuk, bersaiz 7.65 ekar, satu (1) lagi di Machang Bubuk juga bersaiz 9.70 ekar, satu (1) lagi juga di Machang Bubuk, nasib baik, bersaiz 7.46 ekar, di Seberang Perai Selatan ada satu (1) Dato' *Speaker*, iaitu di Bukit Tambun bersaiz 3.43 ekar. Jadi kita sememangnya telah panjangkan kepada Kementerian, kita lihatlah sama ada mereka datang dalam semakan mereka, tapak-tapak ini sesuai atau tidak, tetapi perlu PPR. Dan mengapa tadi saya sebut 97,000? Kerana Dato' *Speaker*, saya hendak sebut, sentuh juga hari ini apabila saya bangun dan baca muka surat pertama *The Star*, *The People Papers*, kalau kita lihat pada muka surat pertama itu, ada isu yang dibangkitkan kawan karib saya daripada Jawi tentang rumah kos rendah di Jawi yang begitu terbiar dan tidak boleh dihuni pun kalau kita lihat pada gambar tersebut. Ini semua adalah oleh pemilik persendirian dan sememangnya saya akur itu satu permasalahan terutamanya di SPS.

Saya sebagai EXCO Perumahan memang tahu tentang isu ini. Saya turut pernah turun penggal dahulu dan lihat bahawa ini berlaku tetapi Dato' *Speaker*, ini adalah satu perkara di mana minda penduduk-penduduk itu, cara pemikiran mereka mesti berubah. Yang penting sekali sepertimana Jawi kata, salah satu punca utama permasalahan tersebut adalah kerana tidak dapat ditubuhkan Badan Pengurusan, *Management Community*, ataupun JMB sebelum MC dan kalau tiada itu, tiada kutipan caj penyelenggaraan. Kalau tiada kutipan caj penyelenggaraan apa berlaku? Ia terbiar. Ini akan berlaku...(gangguan).



**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Datok Keramat, habis?

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Sekejap lagi.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Jawab apa yang ditanya sudah.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

*Coming. Because this morning The Star...(gangguan).*

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Kalau tak boleh, nanti saya kena bagi...(gangguan).

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

*Okay, I will end now. Tetapi ini bukan di keseluruhan Pulau Pinang. Dan saya lihat, saya tak tau sama ada Jawi ada tanya tak payah lagi bina kos rendah. The Star seem to say that but I don't think Jawi said that.*

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tak apa, nanti bincang dalam EXCO.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Baik saya akan bincang. *But anyway* saya perlu bina lebih kerana, *I end now*, Dato' Speaker, kerana sebab senarai menunggu begitu tinggi, begitu panjang sekali, ada banyak orang di luar sana yang layak yang hendak rumah mampu milik mereka yang pertama. Sekian, Dato' Speaker.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih. Persilakan Batu Uban.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan a/l Aramugam):**

Terima kasih Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 6.

No. 6. Adakah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang akan menganjurkan sukan bersasaskan e-Sport?

### Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih Dato' *Speaker*, saya jawab soalan nombor 6. Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang adalah sebuah organisasi yang menyampaikan perkhidmatan secara langsung kepada persatuan-persatuan sukan negeri yang bernaung di bawahnya. Untuk makluman Yang Berhormat, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang berfokuskan sukan berprestasi tinggi yang akan dipertandingkan dalam Sukan Malaysia (SUKMA). Di bawah Majlis Sukan Negeri terdapat 44 sukan yang mereka sedang jaga dan ada dua yang tidak masuk dalam acara SUKMA. Kerajaan Negeri memahami dan memandangkan berat akan masa depan e-Sukan (*e-Sports*) yang cerah, justeru, pembangunan sukan berasaskan *e-Sports* di Negeri Pulau Pinang telah diletak di bawah tanggungjawab Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC). Sehubungan dengan itu, PYDC telah memperkenalkan inisiatif bertema *e-Sports* PG dan antara usaha-usaha yang dijalankan bagi membangunkan sukan elektronik di Pulau Pinang adalah seperti berikut:

- (a) Pendedahan *e-Sports* PG ke institut pengajian tinggi IPT awam dan swasta di Negeri Pulau Pinang. Seramai 371 orang pelajar dari lapan (8) IPT di Negeri Pulau Pinang telah turut serta dalam program *e-Sports Campus Road show* ini.
- (b) Usaha mewujudkan pusat *e-Sports* Pulau Pinang dengan kerjasama awam swasta. PYDC sedang berusaha untuk menarik pelabur swasta untuk mewujudkan pusat *e-sports* pertama di Negeri Pulau Pinang.
- (c) Menganjurkan pertandingan dan pameran yang bersifat pengalaman *e-sports experience* yang telah diadakan pada bulan April 2018 yang lepas dan telah menarik seramai 10,000 orang pengunjung.
- (d) Usaha keempat, pengenalan peluang pekerjaan yang pelbagai dan berpotensi yang dapat disediakan oleh industri *e-Sport* kepada orang awam. Bidang pembangunan permainan *games gamer*...(dengan izin) Dato' *Speaker* dalam industri *e-Sport* menyediakan *platform* untuk belia membina kerjaya mereka, selain bermain sukan sepenuh masa (dengan izin)...*professional gamer* peluang pekerjaan yang lain seperti pengulas sukan *programmer*, *video editor*, pereka cipta permainan *game tester*, *game consultant* dan sebagainya akan disediakan oleh industri *e-Sport* ini.
- (e) Usaha kelima, menubuhkan pasukan *e-Sport* Negeri Pulau Pinang PYDC juga sedang melaksanakan kolaborasi dalam beberapa persatuan sukan elektronik tempatan dan menubuhkan pasukan negeri dan pasukan jurulatih *e-Sport* Pulau Pinang. Ianya merupakan salah satu inisiatif PYDC untuk menyediakan sebuah pasukan *e-Sport* negeri yang akan mewakili Negeri Pulau Pinang ke pertandingan *e-Sport* di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa pada masa depan. Sekiranya terdapat keperluan dan permintaan Majlis Sukan Negeri akan bekerjasama PYDC dalam menganjurkan berasas elektronik ini.

### Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih.

### Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq):

Soalan tambahan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq):**

Dengan izin YB. Bagan Jermal. Okey, seperti kita sedia maklum *e-Sport* semakin hari semakin popular di kalangan golongan muda dan di negara kita dan jika dilihat pada tahap antarabangsa banyak negara maju telah pun mengiktiraf *e-Sport* sebagai satu sukan penting (dengan izin)... *mainstreams sport* dan untuk pengetahuan YB. Bagan Jermal juga sejak saya menjadi ADUN di Bertam sudah tiga (3) kali *e-Sports* telah dipertandingkan di situ dan mendapat sambutan yang cukup memberangsangkan. Soalan saya adakah *e-Sports* akan dapat diserap salah satu sukan utama di Pulau Pinang dan diberikan peruntukan khas untuk sukan-sukan seperti ini?. Itu sahaja terima kasih.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):**

Terima kasih ADUN Kawasan Bertam. Memang kita dapati had Kerajaan Persekutuan juga dalam Bajet 2019 telah memperuntukkan RM10 juta kepada Malaysia *Digital Economy Corporation* (MDEC) bagi membangunkan dan menggalakkan *e-Sport* aktiviti dan industri yang diminati generasi muda di Negeri Pulau Pinang tahun 2017. Tahun 2018 memang ada peruntukan untuk RM1 juta untuk membangunkan program *e-Sport*, tetapi buat sementara waktu memang kalau lihat kita tiada Kerajaan Negeri di seluruh Malaysia yang telah mewujudkan arena *e-Sport* di Malaysia kebanyakan *e-Sport* ini adalah usaha bersama antara kerajaan dengan *private sector* ...(dengan izin) Dato' Speaker untuk membangunkan *e-Sport*, kos yang melibatkan untuk mewujudkan atau pun menganjurkan program pembangunan *e-Sport* memang tinggi di sinilah saya setuju sukan ini akan diserap salah satu *sport* untuk dibangunkan tetapi kerana bajet yang tinggi dan kos yang tinggi, memang kita kena menguruskan sejak peringkat berperingkat. Terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih. Sila.

**Ahli Kawasan Batu Lintang (YB. Ong Ah Teong):**

Soalan tambahan untuk YB. EXCO dari segi pandangan YB. EXCO terhadap *e-Sport* dengan *traditional sport* kita.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):**

Terima kasih daripada Batu Lintang. Bagi pandangan saya, *e-Sport* adalah satu *sport* ataupun *games* yang melibatkan golongan generasi muda yang baru-baru wujud dan terdapat banyak lagi sukan seperti yang tadi saya katakan di bawah MSN ada 44 sukan. Dan sukan-sukan ini kebanyakan juga perlu menggunakan kos yang tinggi untuk belanja setiap tahun dan kalau dibandingkan *e-Sport* dengan sukan-sukan yang lain *e-Sport* adalah satu permainan untuk melibatkan generasi-generasi muda tetapi kalau melibatkan sukan yang biasa itu melibatkan sukan untuk aktiviti yang betul-betul akan mengekalkan badan yang sihat, berpeluh dan lain-lain.

Dan untuk generasi muda ini memang sekarang kebanyakan generasi muda terlibat dalam *e-Sport* dan mungkin kurangkan terlibat dalam *sport-sport* yang lain ataupun acara sukan yang lain tetapi sebagai EXCO untuk Belia dan Sukan untuk membangunkan sukan memang kita perlu membangunkan sukan termasuk sukan-sukan yang lain juga bukan untuk tumpuan *e-Sport* sahaja.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih. Ingin saya persilakan Bukit Tambun.

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):**

Terima kasih Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 7.

- No. 7. Sila nyatakan keluasan tanah dan *zoning* bagi Pulau Aman, Pulau Gedung, Pulau Jerejak, Pulau Rimau dan Pulau Kendi serta huraikan.
- (a) Keluasan tanah yang dimiliki kerajaan di atas pulau-pulau tersebut?
  - (b) Apakah perancangan dan status pemajuan di Pulau Jerejak?
  - (c) Apakah perancangan bagi pulau-pulau selebihnya?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab saya mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat mantan Ahli Batu Maung, Ahli Air Itam dan Ahli Seri Delima. Kurang Seri Delima mungkin kurang bunyi di Dewan ini. Dia pindah suara ke Parlimen.

Untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh Bukit Tambun, keluasan tanah dan pengezonan bagi Pulau Aman, Pulau Betong, Pulau Jerejak, Pulau Rimau dan Pulau Kendi adalah seperti berikut:

Pulau Aman 155.85 ekar keluasannya dan dimiliki kerajaan adalah 68 ekar, zon pelancongan;

Pulau Gedung 166.94 ekar keluasan dan milikan kerajaan adalah 112, zon hutan simpan;

Pulau Kendi pula keluasannya 78.74 ekar di mana dimiliki kerajaan adalah 70.63 ekar, zon hutan simpan;

Pulau Rimau 92.6 ekar keluasan dan dimiliki kerajaan adalah 2.26 ekar, zon hutan simpan. Manakala Pulau Jerejak keluasan adalah 830 ekar dan dimiliki kerajaan adalah 702 ekar, zon pelancongan.

Bagi status pemajuan di Pulau Jerejak, Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri pada 30 Ogos 2016 telah meluluskan Pelan Induk Pembangunan bercampur bagi Lot-lot PT1962 hingga PT1965 serta tanah kerajaan Petak A, Petak B, Petak C, Mukim 13 Daerah Timur Laut serta tanah kerajaan Petak E Mukim 12 Daerah Barat Daya Pulau Pinang untuk Tetuan Tropical Island Resort Sdn. Bhd. Berikutan itu pada 20 Mac tahun 2018 satu

permohonan Kebenaran Merancang, Rujukan MBPP.OSC.PM3350/17 (LB) telah diluluskan oleh MBPP bagi pembangunan semula tapak *Jerejak Rainforest Resort* dan mendirikan pembangunan bercampur hotel, pangsapuri servis dan kondominium.

Pada 29 Jun tahun ini, satu Permohonan Kebenaran Merancang Rujukan JPBD/PG/P2/PKM0099 diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri untuk pembangunan sebuah jambatan ke Pulau Jerejak di atas Petak A, Mukim 12, Daerah Barat Daya dan Petak 2 Mukim 13, Daerah Timur Laut Pulau Pinang untuk Tetuan Tropical Island Resort Sdn. Bhd.

Jawapan kepada bahagian C, deraf Struktur Rancangan Negeri Pulau Pinang 2030 menyatakan perancangan bagi Pulau Aman dan Pulau Gedung Seberang Perai Selatan adalah pengekalan alam semula jadi sebagai tarikan eko pelancongan. Aktiviti-aktiviti yang sesuai dilaksanakan untuk menarik pengunjung dan pelancong adalah seperti merentas hutan atau *jungle tracking*, trek basikal lasak serta melihat dan mengkaji kehidupan flora dan fauna di pulau-pulau berkenaan. Tiada perancangan pembangunan dibuat di atas Pulau Kendi dan Pulau Rimau di Daerah Barat Daya. Sekian.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih. Sila.

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):**

Terima kasih, Dato' Speaker, soalan tambahan. Adakah kerajaan berhasrat menubuhkan satu jawatankuasa atau satu perbadanan untuk pembangunan pulau-pulau? Soalan kedua, adakah Bajet 2019 nanti memperuntukkan kewangan untuk pembangunan pelancongan di Pulau Aman dan Pulau Gedung?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Terima kasih Yang Berhormat Bukit Tambun atas soalan tambahan. Pertamanya berhubung dengan cadangan untuk menubuhkan satu jawatankuasa untuk melihat pembangunan pulau-pulau. Setakat ini tak ada cadangan khusus berhubung dengan satu jawatankuasa atau perbadanan untuk melihat pulau-pulau. Saya percaya sayap Kerajaan Negeri iaitu Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan juga *Chief Minister Incorporated (CMI)* mampu melaksanakan cadangan-cadangan pembangunan ataupun meneliti mana-mana cadangan daripada pihak swasta kalau perlu kita akan pertimbangkan.

Mengenai soalan yang seterusnya secara khusus Belanjawan 2016 bagi pembangunan pelancongan Pulau Aman dan Pulau Gedung tidak ada butiran yang khusus tetapi *Penang Global Tourism* akan mengkaji mana-mana cadangan supaya pulau-pulau yang dinamakan ini dapat diperbaiki kemudahan asas bagi menjadi tempat itu lebih selesa bagi pengunjung dan pelancong.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih. Soalan yang satu lagi Yang Berhormat Bayan Lepas.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz):**

Dato' Speaker, soalan saya nombor 8.

No. 8. Berapakah jumlah projek yang telah diluluskan melalui Tabung Penyelenggaraan 80 Pulau Pinang?

(a) Sila nyatakan dengan terperinci.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Terima kasih Dato' Speaker, dan terima kasih kepada rakan saya daripada Bayan Lepas di mana beliau bertanyakan tentang status Tabung Penyelenggaraan 80% Pulau Pinang.

Dato' Speaker, sejak Skim Pembiayaan Tabung Penyelenggaraan Maksimum 80% Pulau Pinang diperkenalkan pada tahun 2013 sebanyak 305 projek setakat ini *the latest count* telah dipertimbang dan diperaku untuk dilaksanakan dengan kos diluluskan sebanyak RM26,676,309.48 agihan kos yang diluluskan mengikut jenis kerja yang dipohon adalah seperti berikut iaitu 178 projek penaiktarafan ataupun penggantian lif di dalam kos RM14.5 juta;

81 projek penggantian tangki air dan penaiktarafan sistem perpaipan yang berkos RM4.2 juta;

18 projek penggantian ataupun penaiktarafan bumbung berkos RM1.45 juta;

16 projek pengecatan berkos RM5.46 juta;

Dua (2) projek penurapan jalan pada kos RM27,900.00;

Empat (4) projek pemasangan dinding bata ataupun pagar *anti-climb* dengan harga RM302,000.00;

Dua (2) projek membaiki keretakan pada bangunan pada harga RM197,000.00;

Satu (1) projek membaiki *railing* ataupun jeriji tangga RM31,200.00; dan

Tiga (3) projek dilulus secara khas akibat bencana yang berlaku pada kos RM456,000.00 yang membawa keseluruhannya seperti mana saya nyatakan tadi 305 projek kesemuanya pada peringkat ini pada kos keseluruhannya, Dato' Speaker RM26.6 juta. Sekian.

**Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih. Seterusnya saya nak mempersilakan satu lagi, Ahli Kawasan Bertam.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq):**

Dengan izin Yang di-Pertua Dato' Speaker. Soalan saya soalan no.9.

- NO. 9. Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk memajukan sektor pelancongan di Bertam kerana ada 3 kawasan yang sesuai untuk dimajukan iaitu Padang Benggali (*eco-tourism*), Bandar Kepala Batas (Bandar Warisan) dan Kiosk Bertam (Hub Makanan)?

**Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):**

Terima kasih Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bertam di atas soalan memajukan tarikan pelancongan di kawasan Bertam. Kawasan Bertam memang dilihat oleh saya sebagai tempat yang mempunyai potensi untuk menarik lebih ramai pelancong ke Negeri Pulau Pinang dan seterusnya menyumbang kepada sektor pelancongan Negeri Pulau Pinang. Bagi kawasan Padang Benggali, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah mengenalpasti persisiran pantai Telok Ayer Tawar ke Kuala Muda yang melibatkan DUN Penaga sebagai aset eko-pelancongan. Antara program *Seberang Perai International Conference on Eco-Tourism and Conservation Efforts* Tahun 2018 yang telah diadakan pada 8 - 9 Oktober tahun ini. Lokasi tersebut telah dijadikan sebagai satu tempat untuk lawatan teknikal bagi peserta seminar. Pejabat saya dan pihak MPSP akan menjemput Yang Berhormat Bertam untuk input-input yang lebih ketara untuk mengenalpasti Padang Benggali sebagai satu tarikan eco-pelancongan.

Bagi Bandar Kepala Batas, Kerajaan Negeri akan mengkaji potensi untuk dijadikan sebagai satu Bandar Warisan Seberang Perai. Sehubungan dengan cadangan ini, MPSP telah mengenalpasti 81 buah bangunan sebagai bangunan warisan dan sedang melaksanakan usaha ini bagi mewartakan bangunan-bangunan tersebut.

Bagi kawasan Kiosk Bertam, Kerajaan Negeri akan mengkaji potensi untuk dijadikan sebagai hub-makanan. Pada masa ini, MPSP sedang mempromosikan Sungai Dua sebagai lembah makanan untuk kawasan Seberang Perai.

Bagaimana pun, secara umumnya, pejabat saya selalu buka untuk menerima apa-apa jua cadangan dan pandangan untuk meningkatkan sektor pelancongan di Negeri Pulau Pinang termasuk satu lagi hub-makanan di Seberang Perai sedangkan Negeri Pulau Pinang memang terkenal sebagai syurga makanan di rantau ini. Terima kasih.

**Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, 1 jam 30 minit untuk soalan lisan telah pun tamat selaras dengan Subperaturan 26(7) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan-soalan lisan yang telah dijawab sebentar tadi akan diletakkan di atas meja ahli yang bertanya dan dimasukkan di dalam Penyata Rasmi.

**Setiausaha Dewan:**

Rang Undang-Undang Perbekalan Tahun 2019 dan Usul Anggaran Pembangunan Tahun 2019. Rang Undang-Undang Perbekalan Tahun 2019.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama "Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada kumpulan wang disatukan untuk perkhidmatan pada tahun 2019 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu dibacakan kali yang pertama".

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon menyokong.

**Setiausaha Dewan:**

Rang Undang-Undang bernama "Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada kumpulan wang disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2019 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu".

**Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-Undang telah dibacakan bagi kali yang pertama.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, mengikut Peraturan 59 Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya mencadangkan bacaan kali yang kedua Rang Undang-Undang ini diteruskan dengan serta-merta.

**Setiausaha Dewan:**

Rang Undang-Undang Perbekalan Tahun 2019 bacaan kali yang kedua.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang yang bertajuk 'Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada kumpulan wang disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2019 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu dibaca kali kedua".

**Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila.



## Y.A.B. Ketua Menteri:

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran atas kesempatan untuk berdiri di Dewan yang mulia ini buat pertama kalinya bagi melaksanakan amanah sempena pembentangan Belanjawan 2019 Negeri Pulau Pinang pada pagi yang mulia ini.

Terima kasih di atas komitmen yang ditunjukkan oleh semua Ahli Yang Berhormat untuk bersama-sama mendengar dan mencerna intipati Belanjawan 2019 Negeri Pulau Pinang. Semoga penyatuan kita pada hari ini memberi manfaat dan kemakmuran kepada negeri tercinta kita. Sepanjang tempoh 10 tahun di bawah urus tadbir yang berlandaskan prinsip Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT), Pulau Pinang telah melalui lonjakan paradigma yang sangat pantas. Pulau Pinang terus mengekalkan rekod sebagai negeri yang mempunyai hutang yang terendah di Malaysia. Pulau Pinang juga terus mengekalkan rekod menjadi sebuah negeri yang bersih malah lebih daripada itu menjadi negeri pertama yang melaksanakan setiap hari tanpa beg plastik percuma. Semua kejayaan ini tidak akan tercapai sekiranya tiada gandingan mantap dan kerjasama yang padu antara pemimpin dan rakyat. Pulau Pinang melakar sejarahnya yang tersendiri apabila menjadi tuan rumah sempena kejohanan Asia Pacific Master Games (APMG) 2018 buat julung kalinya pada 8 - 15 September yang lalu. Kejohanan ini menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai negeri pertama di Asia yang berjaya menganjurkan kejohanan bertaraf antarabangsa ini. Seramai 5,612 peserta dari 64 buah negara telah mengambil bahagian dalam 22 acara sukan yang dipertandingkan. Lebih menarik APMG 2018 yang berlangsung selama 9 hari itu turut tercatat dalam Malaysia Book Of Records sebagai kejohanan sukan yang julung kalinya diadakan di Malaysia dengan bilangan negara dan peserta terbanyak yang menyertai kejohanan ini.

Dato' Yang di-Pertua, meski pun Negeri Pulau Pinang kini telah selesa dengan kedudukannya yang tersendiri. Namun, ini tidak boleh dijadikan alasan untuk kepimpinan Kerajaan Negeri yang baru ini untuk mengambil sikap selesa dan sambil lewa. Senario semasa menuntut Kerajaan Negeri untuk merencana Belanjawan 2019 dengan lebih bijaksana agar semua agenda yang dirancang dapat dilaksanakan bagi memacu pembangunan yang lebih berkualiti serta memberi manfaat yang menyeluruh kepada rakyat sepertimana harapan dan impian Penang 2030. Negeri kita hijau dan berteraskan keluarga yang menginspirasi negara. *Penang 2030 are family focus, green and smart state that inspires the nation...*(dengan izin).

Di kesempatan ini juga, Kerajaan Negeri ingin melahirkan rasa dukacita dan simpati terhadap kejadian tanah runtuh yang telah berlaku di tapak projek Lebuh raya Bukit Kukus, Paya Terubong pada 19 Oktober yang lalu yang telah mengorbankan seramai 9 orang pekerja binaan manakala 4 orang lagi cedera. Sehubungan itu, satu jawatankuasa siasatan khas telah ditubuhkan untuk menyiasat kejadian ini. Kerajaan Negeri ini ingin mengucapkan takziah kepada ahli keluarga mangsa yang terlibat.

Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara bagi suku kedua tahun 2018 mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan iaitu pada kadar 4.5% berbanding 5.8% dalam tempoh yang sama pada tahun 2017. Kemerosotan pertumbuhan ini disebabkan kejutan berkaitan komoditi dalam sektor perlombongan dan pertanian di mana berlakunya gangguan bekalan yang tidak dijangka serta kekangan pengeluaran akibat cuaca yang buruk. Sungguh pun demikian, Bank Dunia dalam laporan terkini ekonomi Asia Timur dan Pasifik menjangkakan Malaysia akan mencatat pertumbuhan ekonomi sebanyak 5.4% pada tahun ini dengan disokong oleh pengukuhan penggunaan swasta iaitu perbelanjaan isi rumah yang berterusan. Prestasi ekonomi bagi Negeri Pulau Pinang pula Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) telah merekodkan peningkatan yang amat memberangsangkan daripada RM73.7 bilion pada tahun 2016 kepada RM77.6 bilion pada tahun 2017 iaitu peningkatan sebanyak RM3.9 bilion. Negeri Pulau Pinang juga menyumbang sebanyak 6.6% kepada KDNK Negara dan menjadi antara 6 negeri yang

menyumbang 71.2% kepada KDNK Nasional. Dalam masa yang sama Jabatan Perangkaan pada tahun 2017 merekodkan bahawa Negeri Pulau Pinang adalah antara negeri yang mempunyai KDNK berkapita melebihi paras kebangsaan iaitu RM49,873.00 berbanding dengan RM42,228.00.

Pembangunan ekonomi Negeri Pulau Pinang bercambah dengan progresif setelah lebih 45 tahun pengalaman dalam industri pembuatan. Ini berjaya dicapai dengan adanya syarikat multinasional (MNC) sebagai perintis utama di Negeri Pulau Pinang yang masih mengekalkan pelaburannya sehingga kini. Dalam pada itu, Pulau Pinang juga berjaya menarik pelaburan langsung asing atau *foreign direct investment* pembuatan yang diluluskan oleh MIDA berjumlah RM8.5 bilion pada tahun 2017. Jumlah pelaburan domestik dan asing dalam sektor pembuatan yang diluluskan MIDA pula dicatatkan pada paras RM10.8 bilion. Kejayaan ini terutamanya dalam sektor pembuatan, menjadikan Pulau Pinang dikenali sebagai *Silicon Valley of Asia*.

Sektor pembuatan dan perkhidmatan kekal menjadi dua sektor penyumbang terbesar kepada ekonomi negeri. Sektor pembuatan menunjukkan pertumbuhan sebanyak 5.7% pada tahun 2017 berbanding 5.4% pada tahun 2016 dengan dipacu oleh subsektor elektrik, elektronik, LED, peralatan perubatan, avionik dan pembuatan makanan. Sementara itu, sektor perkhidmatan pula menunjukkan pertumbuhan sebanyak 5.6% untuk kedua-dua tahun 2017 dan 2016.

Sektor pertanian juga masih menjadi sektor penting kepada ekonomi negeri dan berkembang positif sebanyak 2.2% pada tahun 2017 berbanding negatif 2.8% pada tahun sebelumnya. Perkembangan positif ini disebabkan oleh pertumbuhan pengeluaran kelapa sawit yang lebih tinggi berikutan cuaca yang baik, dibanding pada tahun sebelumnya. Secara amnya, sektor pertanian merekodkan nilai tambah sebanyak RM1.5 bilion pada tahun 2017.

Walau bagaimanapun, sektor pembinaan mengalami penguncupan kepada negatif 10.1% pada tahun 2017 berbanding 10.4 % pada tahun 2016. Penguncupan ini adalah kesan daripada penurunan nilai kerja binaan aktiviti kediaman, bukan kediaman dan pertukangan khas yang secara tidak langsung telah mempengaruhi keseluruhan prestasi ekonomi Negeri Pulau Pinang pada tahun 2017.

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri akan melaksanakan beberapa penambahbaikan, antaranya dengan meningkatkan sistem jaringan jalan raya dan lalu lintas terutamanya bagi mengurangkan kesesakan dalam memastikan kelancaran perhubungan ke kawasan industri yang terlibat.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-Ahli Dewan.

### **Strategi Belanjawan 2016**

Selepas pembentangan awam yang berkaitan *Penang 2030* pada 29 Ogos yang lalu, saya merasa amat gembira kerana masyarakat dari pelbagai lapisan usia telah menyahut seruan untuk melibatkan diri bersama-sama dalam membentuk pelan tindakan untuk memajukan Negeri Pulau Pinang mengikut 4 Teras Utama dalam *Penang 2030* bagi membawa Negeri Pulau Pinang ke tahap pertumbuhan yang seterusnya, dari segi budaya dan ekonomi.

Memandangkan *Penang 2030* berhala tuju untuk memberi penekanan kepada pembangunan keluarga dalam negeri yang hijau dan pintar, Kerajaan Negeri sedang menyelaraskan pelan-pelan perancangan terdahulu untuk memastikan supaya pelan-pelan baru ini menuju impian yang sama iaitu Negeri Pulau Pinang yang makmur dari segi ekonomi dan sosial, gembira serta harmoni.

*Penang 2030* sebenarnya tidak bercanggah dengan mana-mana program yang telah dilancarkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2008, malah ia menambahkan lagi penekanan yang seringkali menjadi faktor penentu kejayaan dan kestabilan sesebuah negeri, iaitu dari segi pembangunan sosial disamping kemajuan ekonomi. Untuk itu, Belanjawan 2019 Negeri Pulau Pinang, telah menyelaraskan projek-projek Kerajaan Negeri sedia ada untuk disesuaikan dengan visi *Penang 2030* dengan dikategorikan mengikut 4 Teras Utama berdasarkan *people centric* seperti berikut :

- Teras Pertama : Meningkatkan Daya Huni Untuk Meningkatkan Kualiti Kehidupan atau *(Increase Liveability To Enhance Quality Of Life)*;
- Teras Kedua : Menaikkan Ekonomi Dengan Meningkatkan Pendapatan Isi Rumah atau *Upgrade The Economy To Raise Household Income*;
- Teras Ketiga : Memperkasakan Rakyat Untuk Meningkatkan Penyertaan Masyarakat atau *Empower People To Strengthen Civic Participation*; dan
- Teras Keempat : Melabur Dalam Persekitaran Infrastruktur Dan Kemudahan Awam Untuk Meningkatkan Daya Tahan Dalam Pelbagai Keadaan atau *Invest In The Built Environment To Improve Resilience*.

#### **TERAS PERTAMA : MENINGKATKAN DAYA HUNI UNTUK MENINGKATKAN KUALITI KEHIDUPAN**

Untuk Teras Pertama : **Pembangunan Infrastruktur.**

Kerajaan Negeri terus komited untuk meningkatkan infrastruktur bagi keselesaan dan kemudahan rakyat. Jaringan jalan raya sentiasa dinaiktaraf di seluruh negeri sama ada di bandar atau di luar bandar. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan negeri akan menyediakan RM39.3 juta untuk projek-projek menaiktaraf dan pembinaan jalan raya baru di negeri ini. Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sejumlah RM2 juta, manakala RM5 juta akan disediakan di bawah peruntukan MARRIS. MARRIS juga turut memperuntukkan anggaran sebanyak RM100 juta kepada Kerajaan Negeri bagi tujuan penyelenggaraan dan pembaikan jalan-jalan negeri.

#### **Bandar Pintar**

Umum mengetahui bahawa Negeri Pulau Pinang kini sedang menuju ke arah *Smart City* bertaraf antarabangsa menjelang tahun 2025. Inisiatif ini adalah selaras dengan transformasi digital dan Revolusi Industri Ke-4 di peringkat global tanpa mengenyahkan aspek kelestarian melalui urus tadbir dan inisiatif pintar oleh pelbagai jabatan dan agensi.

Pembangunan Bandar Pintar oleh Kerajaan Negeri ini adalah menyeluruh dan perlu disahut oleh semua jabatan dan agensi dalam memastikan Negeri Pulau Pinang berdiri sama tinggi dengan Bandar-Bandar Pintar dunia yang lain tanpa mengenyahkan aspek kelestarian dan kemampanan untuk masa depan generasi seterusnya.

Konsep *Smart City* di Negeri Pulau Pinang akan dibangunkan dengan mengutamakan infrastruktur ICT sebagai kemudahan asas bandar dan Revolusi Industri 4.0 menjadi antara cabaran utama dalam penyediaan jajaran fiber optik yang amat tinggi kosnya. Namun, melalui pelaksanaan Dasar Pintu Terbuka atau *Open Door Policy*, Negeri Pulau Pinang kini telah diliputi dengan 50% jajaran fiber optik, hasil kerjasama dan pelaburan di antara pelbagai syarikat pembekal infrastruktur telekomunikasi dan digital.

Penyediaan infrastruktur telekomunikasi di Pulau Pinang juga telah jauh lebih baik berbanding 10 tahun yang lalu. Semua ini adalah hasil usaha dan inisiatif Kerajaan Negeri, dengan kerjasama pelbagai pihak sama ada kerajaan mahupun swasta, terutamanya industri telekomunikasi yang sudi melabur di Negeri Pulau Pinang. Kejayaan ini juga berkait rapat dengan amalan '3M' dan '1S' dalam pelaksanaan infrastruktur telekomunikasi iaitu 'Maju, Mudah, Mesra dan *Smart*'. Kerajaan Negeri turut berhasrat untuk bekerjasama rapat dengan pembekal perkhidmatan antaranya TIME untuk memperluaskan liputan jalur lebar talian tetap dengan kelajuan internet melebihi 100mps. Ini akan menjadi titik utama bagi menjayakan Revolusi Industri 4.0 dan menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai hub untuk perdagangan atas talian (*e-dagang*), *cloud computing*, *big data* dan *Internet of Things*.

## **Perumahan Mampu Milik dan Selesa**

Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri pada masa ini telah berjaya melepasi komitmen dalam menyediakan perumahan yang selesa dan mencukupi bagi setiap kategori kemampuan golongan B40 dan M40 sepertimana dikehendaki oleh Yang Berhormat Datok Keramat tadi. Semenjak tahun 2008 sehingga kini sebanyak 28,195 unit rumah mampu milik telah siap dibina, manakala sebanyak 24,445 unit sedang dalam pelbagai fasa pembinaan.

Jumlah ini dirancarkan lagi dengan 44,602 unit rumah mampu milik pelbagai kategori yang telah diluluskan Pelan Kebenaran Merancang dan juga di dalam perancangan Kerajaan Negeri dan Syarikat Berkaitan Kerajaan atau GLC dari Kerajaan Persekutuan. Usaha ini membawa angka besar iaitu 97,242 unit *and still increasing* rumah mampu milik yang siap, sedang siap dan akan dibina berbanding sasaran awal 75,362 unit sebelum ini.

Kerajaan Negeri sendiri merancang pembinaan sejumlah 18 projek, di kelima-lima Daerah yang bakal menyediakan 27,080 unit rumah menjelang tahun 2025. 1 projek telah berjaya disiapkan dan memperolehi Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) iaitu projek Fasa 1 Bandar Cassia di Seberang Perai Selatan. Manakala 7 lagi dalam pelbagai peringkat pembinaan seperti projek di Jelutong, Sandiland Foreshore, Jalan C.Y. Choy dan The Rise di Jalan SP. Chelliah, Daerah Timur Laut. Dua Residen, nama projek Dua Residen di Daerah Barat Daya, Jiran Residen di Seberang Perai Utara, Permatang Tok Suboh di Seberang Perai Tengah, Kampung Kepala Gajah di Seberang Perai Selatan. Selebihnya iaitu 10 lagi projek masih dalam perancangan. Kesemua projek ini merupakan manifestasi Kerajaan Negeri dalam memberi keutamaan kepada kebajikan rakyat.

Sehingga 30 September tahun ini, Sistem Maklumat Perumahan Kerajaan Negeri (SMP) telah mendaftarkan sebanyak 91,408 pemohon Rumah Mampu Milik (RMM) di Pulau Pinang bagi ketiga-tiga kategori iaitu rumah kos rendah atau kini dikenali sebagai RMM 'A' iaitu harga maksima RM42,000.00, rumah kos sederhana rendah atau kini dikenali sebagai RMM 'B' harga maksima RM72,500.00 dan juga RMM 'C' harga maksima RM300,000.00. Setelah melalui proses semakan dan kelulusan, Kerajaan Negeri telah mengeluarkan sejumlah 108,541 surat tawaran termasuk tawaran ulangan kepada pemohon untuk projek perumahan lain. Daripada jumlah ini seramai 26,139 pemohon telah menerima tawaran dan menandatangani perjanjian dengan pemaju. Pada masa ini, masih terdapat sebanyak 43,052 permohonan yang masih aktif dan diletakkan di bawah kategori 'senarai menunggu' untuk dipertimbangkan semasa proses tawaran seterusnya.

Jumlah menunggu yang paling besar direkodkan di Daerah Timur Laut terutama bagi kategori RMM 'A' dan RMM 'B'. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah mengenalpasti lokasi bagi pembinaan PPR di Jelutong iaitu di sebahagian Petak A, Lot 10042 dan Lot 10043, Seksyen 11 Bandar Jelutong kepada Kerajaan Persekutuan, sepertimana dikehendaki oleh Yang Berhormat Datok Keramat.

Pembentukan Kerajaan Persekutuan di bawah Pakatan Harapan menyuntik perkembangan positif dalam pembekalan rumah mampu milik yang akan disatukan di bawah satu bumbung berbanding sebelum ini di mana ia dilaksanakan oleh pelbagai agensi di bawah kementerian berbeza. Kerajaan Negeri, akan mengambil pendekatan lebih agresif dalam memastikan keperluan perumahan mampu milik sepadan dengan permohonan dan tempoh menunggu bertahun-tahun dapat dikurangkan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-Ahli Dewan.

### **Isu Penyelenggaraan Rumah Awam Kerajaan Negeri**

Kerajaan Negeri sedar dan prihatin dengan kerosakan rumah-rumah di Rancangan Perumahan Awam Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri juga bersimpati dengan pemilik dan penghuni di perumahan ini yang tidak mampu untuk membiayai kos penyelenggaraan bagi lif-lif dan lain-lain kerosakan, sehingga menimbulkan kesusahan bagi penduduk di perumahan tersebut seperti dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jawi dalam akhbar The Star, hari ini.

Bagi meringankan beban penduduk, Kerajaan Negeri telah membelanjakan secara purata RM10 juta satu tahun untuk menyelenggara rumah-rumah di Rancangan Perumahan Awam di kelima-lima daerah dan untuk tahun 2019, sejumlah RM8.4 juta akan terus diperuntukkan untuk tujuan yang sama.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut memberi perhatian kepada penyelenggaraan Skim Perumahan Kos Rendah dan Sederhana Rendah swasta melalui inisiatif Tabung Penyelenggaraan Maksima 80 Peratus atau TPM80 yang sehingga kini sebanyak 292 projek bernilai RM25.65 juta telah diluluskan sejak tahun 2013. Bagi tahun 2019, projek-projek penyelenggaraan ini akan diteruskan dengan sejumlah RM6.8 juta telah diperuntukkan bagi tujuan ini.

### **Keprihatinan Terhadap Kebajikan dan Penjagaan Rakyat**

Selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan untuk mengurangkan Bantuan Rakyat 1 Malaysia atau BR1M secara berperingkat, Kerajaan Negeri juga sedang mengkaji semula program-program i-Sejahtera yang merangkumi program pemberian bantuan Warga Emas, Ibu Emas, Anak Emas, Orang Kelainan Upaya (OKU), Pelajar Emas dan lain-lain emas.

Program ini telah dinikmati oleh hampir 1.6 juta rakyat Negeri Pulau Pinang dengan jumlah bantuan kewangan yang diberikan sebanyak RM412.63 juta sejak ia dilaksanakan bermula tahun 2008. Kerajaan Negeri berpandangan bahawa kajian semula wajar dilaksanakan, bagi memastikan bantuan disalurkan kepada golongan yang benar-benar layak dan memerlukan. Sekiranya diteruskan, Kerajaan Negeri akan membelanjakan sejumlah RM45 juta pada tahun 2019. Sehingga Oktober tahun ini, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM30.85 juta, di mana hampir 955 orang penerima aktif telah menerima manfaat daripada program Agenda Ekonomi Saksama (AES) yang diperkenalkan.

### **Mutiara *Food Bank***

Kerajaan Negeri telah memperkenalkan satu program baru yang dikenali sebagai Mutiara *Food Bank* yang dilaksanakan secara kerjasama dengan *Food Aid Foundation*. Kerajaan Negeri bangga, apabila menjadi negeri pertama di Malaysia yang telah bekerjasama dengan yayasan ini, bagi menjayakan misi menyelamatkan lebihan makanan dan mengelakkan pembaziran makanan. Konsep atau idea asal program ini, adalah dengan mengumpulkan makanan daripada pasaraya-pasaraya besar untuk diagihkan kepada kumpulan masyarakat yang kurang berkemampuan. Sehingga kini, seramai 23,576 orang penerima telah menerima manfaatnya sejak ia dilaksanakan pada tahun 2017.

Program ini telah mendapat perhatian daripada Kerajaan Persekutuan yang kini turut berhasrat untuk melaksanakan program yang sama di peringkat nasional dalam *scale* yang lebih besar. Sekali lagi, Negeri Pulau Pinang telah menjadi contoh dan perintis kepada program-program kebajikan yang sebegini di peringkat negara. Syabas, saya ucapkan kepada semua pihak yang telah menyumbang tenaga bagi merealisasikan program Mutiara *Food Bank*.

### **Pusat Transit Gelandangan**

Sebagai sebuah negeri berkebakikan, hak rakyat diberikan sama rata tanpa perbezaan. Semua rakyat yang hidup di negeri ini diberi perhatian dan bantuan, termasuklah golongan gelandangan. Menerusi program *Empowering The Street Citizens*, sebuah Pusat Transit Gelandangan akan dibangunkan. Pusat transit ini akan menyediakan keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal yang selesa. Kita sudah dibentangkan konsep pelan itu, dan mendapati ia macam *everyone can stay there also*. Ahli-Ahli EXCO pun ada minat nak cubalah apabila siap. Program bersifat '*Tri-Partite Venture*' ini merupakan hasil usahasama pihak kerajaan, swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

Untuk ini, bagi menterjemahkan kesungguhan Kerajaan Negeri untuk membantu golongan ini, sebuah lokasi telah dikenal pasti untuk dijadikan pusat transit gelandangan iaitu di Lot. 19, Jalan CY Choy yang merupakan bangunan rumah kedai milik Majlis Bandaraya Pulau Pinang. Bangunan ini akan diubahsuai dengan ihsan PDC, dan dijangka siap pada tahun yang akan datang. Bukan bulan yang disebutkan. Pusat transit ini akan dijadikan sebagai pusat aktiviti warga emas. Sebanyak RM560,000.00 dianggarkan akan diperuntukkan bagi Latihan Kemahiran kepada Gelandangan Produktif dan Penempatan Kekal kepada Gelandangan Yang Tidak Produktif.

### **Meningkatkan Keselamatan dan Kebersihan Awam**

#### **Pemasangan CCTV dan Lampu Jalan**

Aspek keselamatan menjadi agenda utama Kerajaan Negeri bagi menjaga keharmonian dan kesejahteraan rakyat dan pelancong yang datang ke negeri ini. Justeru, Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) akan memperuntukkan sejumlah RM7.40 juta untuk memasang 1050 unit kamera litar tertutup (CCTV) yang baharu pada tahun 2019, menjadikan jumlah keseluruhan CCTV yang telah dipasang di bahagian Pulau iaitu sebanyak 917 unit. MBPP juga akan bekerjasama dengan pihak Polis Diraja Malaysia untuk memperkenalkan fungsi pengecaman wajah atau *facial recognition* bagi menjamin Bandaraya yang lebih selamat.

Sementara itu, sejumlah RM2.5 juta juga diperuntukkan di kawasan Seberang Perai melalui Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bagi memasang 30 unit CCTV, di kawasan-kawasan terpilih di seluruh Seberang Perai pada tahun akan datang, menjadikan jumlah keseluruhan CCTV sebanyak 160 unit. Pemasangan CCTV ini, bukan sahaja untuk membantu menanggapi isu-isu jenayah dan keselamatan, malah turut digunakan untuk memantau pembuangan sampah haram, penjaja haram, keadaan trafik dan lalu lintas serta masalah meletak kereta.

Sistem pencahayaan juga memainkan peranan yang penting dalam membantu Kerajaan Negeri membanteras jenayah. Menyedari ia merupakan *instrument* penting, maka Kerajaan Negeri sekali lagi melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan telah menyediakan sejumlah RM2.5 juta di kawasan Seberang Perai dan RM6.79 juta di kawasan Pulau, untuk menyelenggara lampu-lampu jalan serta pemasangan lampu jenis LED.

#### **Pengurusan Sisa dan Kebersihan Awam**

Kerajaan Negeri komited untuk menjadi Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang terbersih di Malaysia dan di rantau ASEAN. Untuk itu, Kerajaan Negeri mengambil langkah

berterusan untuk menggubal dasar dan merangka pelan tindakan yang baharu, sejajar dengan transformasi pantas teknologi masa kini. Modus operandi yang digunakan bagi menguruskan sisa pepejal menjadi penanda aras kepada kemajuan diri dan masyarakat. Bagi mentransformasi budaya kebersihan awam, Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai inisiatif seperti membangunkan sistem dan teknologi pengurusan dan pemindahan sampah yang Mesra Pengguna dan Mesra Alam meningkatkan kesedaran bagi memperkasakan 'Local Agenda 21' oleh PBT dan menguatkuasakan undang-undang.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui kedua-dua PBT, juga telah memperuntukkan sejumlah wang yang besar bagi menguruskan sisa pepejal dan menjaga kebersihan negeri. Pada tahun 2019, sejumlah RM57.25 juta telah diperuntukkan oleh MBPP dan RM35.26 juta oleh MPSP untuk melaksanakan kerja-kerja pembersihan dan pelupusan sisa pepejal.

## **Kesejahteraan dan Kesihatan Rakyat**

Berdasarkan Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah 2016 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, didapati hanya 1.9% daripada keseluruhan perbelanjaan isi rumah digunakan untuk tujuan kesihatan. Bagi membantu rakyat Negeri Pulau Pinang untuk mendapat perkhidmatan akses yang mudah dan kemampuan terhadap kemudahan kesihatan, Kerajaan Negeri telah mengambil tanggungjawab sosial dengan memperkenalkan pelbagai inisiatif untuk meringankan beban rakyat, terutamanya yang kurang berkemampuan.

Program Mammogram Penang, misalnya telah memberi manfaat kepada 11,834 orang wanita sejak ia diperkenalkan pada tahun 2015. Program ini akan diteruskan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2019, dengan penambahbaikan yang lebih komprehensif dengan kerjasama dengan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara atau LPPKN. Sebanyak RM900,000.00 disediakan bagi perkhidmatan ini pada tahun 2019. (Ahli Dewan menepuk meja).

Inisiatif Pulau Pinang Bebas Denggi yang juga diteruskan pada tahun 2019. Kerajaan Negeri telah melaksanakan program yang dikenali sebagai *Crush Aedes Totally* atau CAT juga yang menggunakan teknologi *Artificial Intelligence* (AI) sebagai mekanisme untuk meramalkan lokasi wabak yang akan berlaku di sesebuah kawasan, yang membolehkan tindakan kawalan vektor dilaksanakan dengan lebih awal. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM423,000 setahun untuk melanggan sistem ini bagi kegunaan Jabatan Kesihatan Negeri. Bagi merangka dan merancang kawalan vektor, bermula tahun 2019 Kerajaan Negeri akan menggunakan teknologi *Artificial Intelligence* yang lebih komprehensif.

## **TERAS KEDUA : MENAIKKAN TARAF EKONOMI DENGAN MENINGKATKAN PENDAPATAN ISI RUMAH**

### **Menjana Pelaburan Dan Perindustrian.**

Dato' Yang di-Pertua, bagi tahun 2017, KDNK Pulau Pinang dalam sektor perkhidmatan telah menyumbang RM38.3 bilion dan sektor pembuatan pula bernilai RM34.8 bilion. Kerajaan Negeri mensasarkan nilai pelaburan bagi tahun 2018 meningkat lebih tinggi sejajar dengan memorandum persefahaman (MOU) yang telah dimeterai di antara syarikat elektronik dari Korea Selatan dan Pulau Pinang dalam membentuk rakan perkongsian strategik.

Kerajaan Negeri juga terus memberi tumpuan kepada sektor pembuatan dan perkhidmatan dalam menjana pertumbuhan ekonomi yang cergas dan mampan pada tahun 2019. Kawasan pertumbuhan baharu di Batu Kawan yang merupakan salah satu daripada tujuh nod pertumbuhan di Koridor Utara akan dijadikan pemangkin untuk melonjakkan lagi perkembangan ekonomi Negeri Pulau Pinang. Kemudahan rangkaian jalan raya yang baik untuk pengangkutan kargo ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang serta Pelabuhan Pulau Pinang turut menjadi faktor penting yang dititikberatkan untuk menarik pelabur ke negeri ini.

Selaras dengan *trend global* yang beralih kepada Industri 4.0, beberapa bidang industri berteknologi tinggi dan berimpak tinggi telah dikenalpasti berpotensi untuk berkembang seperti elektrik dan elektronik, semikonduktor, LED, peralatan perubatan, pembuatan aeroangkasa, pembuatan makanan dan Perkhidmatan Perniagaan Global atau GBS (*Global Business Services*).

Pada tahun ini, BBraun mengumumkan bahawa dalam tempoh 45 tahun kebelakangan ini, ia telah melabur RM4.75 billion di Pulau Pinang dengan mewujudkan lebih 7,700 peluang pekerjaan di mana 99% adalah terdiri daripada pekerja tempatan. Selain itu, syarikat-syarikat yang mengumumkan pelaburan baharu dan pelaburan semula pada tahun ini termasuklah *Boston Scientific* yang membuka kilang di Batu Kawan, *Japan Lifeline* yang mengumumkan akan membina kilang pertamanya di luar Jepun dengan pelaburan RM50 juta dan siap pada 2020, *Benchmark Electronics* yang membuka kilang '*Precision Technology*' kedua dan ketiga di Pulau Pinang dan UWC di Batu Kawan dengan pelaburan RM150 juta. Syarikat-syarikat besar tempatan seperti Inari, Vitrox dan UWC juga terus menunjukkan pertumbuhan dan menembusi pasaran antarabangsa selari dengan moto '*Powered in Penang*'.

Bagi merencanakan dan menarik minat pelabur berasaskan teknologi, Kerajaan Negeri melalui *investPenang* telah melancarkan dan menawarkan Skim Insentif Penang i4.0 dengan dana berjumlah RM4 juta pada awal tahun 2018. Dana ini diharapkan dapat membantu para usahawan untuk membina, menarik dan mengekalkan perniagaan mereka di Pulau Pinang. Usaha ini juga dibuat bagi merealisasikan dan mengekalkan potensi Pulau Pinang sebagai *Silicon Valley of Asia*. Untuk peringkat pertama, dana Penang i4.0 telah meluluskan sejumlah RM1.67 juta kepada 16 usahawan yang terlibat di dalam aktiviti IOT, sensor dan sebagainya.

### **Pertumbuhan Industri Halal.**

Industri halal kian melebarkan sayapnya dan menjadi tumpuan di seluruh dunia. Menurut laporan *State of The Global Islamic Report 2017* yang diterbitkan oleh Thomas Reuters, nilai ekonomi masyarakat Islam global pada tahun 2016 telah mencecah USD3.6 trillion atau RM14 trilion dan angka ini dijangka akan meningkat kepada USD5.9 trillion atau RM23 trilion menjelang tahun 2022. Terima kasih kepada Dato' Abdul Malik atas usaha memelopori industri halal di Pulau Pinang dan Malaysia. Perkembangan pesat ini sudah tentu disokong oleh gelombang revolusi industri 4.0 yang dikuasai oleh aplikasi digital terkini serta perkakasan berteknologi tinggi yang mampu melonjakkan lagi pertumbuhan industri halal.

Di Malaysia, nilai eksport bagi produk halal meningkat sebanyak 2.8% iaitu RM4.3 bilion pada tahun 2017 dengan Singapura dan China sebagai destinasi eksport utama negara. Negeri Pulau Pinang berbangga kerana ia menjadi satu penyumbang kepada industri halal negara melalui Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang (TPHPP) yang terletak di Bukit Minyak. Fasa satu telah mencatatkan jumlah pelaburan sebanyak RM484 juta melalui sepuluh buah syarikat di mana empat daripadanya telah mula beroperasi. Fasa kedua iaitu bagi zon makanan telah berjaya menarik 21 buah syarikat dengan nilai pelaburan sebanyak RM242.76 juta. Kedua-dua taman perindustrian halal ini juga telah menerima pengiktirafan status HALMAS daripada *Halal Industri Development Corporation* atau HDC. Melalui pengiktirafan ini, pengusaha industri dapat menikmati pengecualian cukai dan duti import bahan mentah bagi pengeluaran produk mereka.

Kerajaan Negeri juga melaksanakan pelbagai inisiatif untuk merealisasikan visi menjadi Pulau Pinang sebagai *Global Halal Centre*. Antaranya dengan menganjurkan *Penang International Halal Expo & Conference* (PIHEC) pada awal tahun 2018 yang telah mencatatkan 300 penyertaan pemain industri dari dalam dan luar negara seperti Thailand, Indonesia, Jepun, Korea, Singapura dan Pakistan. Penganjuran PIHEC akan diteruskan pada tahun 2019 dengan jangkakan 330 *booth* dari penyertaan pemain industri halal.



## **Memperkasakan peranan Industri Kecil dan Sederhana (IKS).**

Kerajaan Negeri senantiasa peka dalam memantau dan merancang kemudahan serta khidmat sokongan kepada IKS kerana sektor ini turut menyumbang kepada ekonomi negeri. Oleh itu di bawah SME *Village* Batu Kawan, plot-plot tanah industri serta kilang-kilang jenis teres dan berkembar akan dibangunkan mengikut fasa. Fasa pertama dan kedua yang merangkumi 44 plot tanah industri dan 44 unit kilang telah pun siap pembinaannya dan kesemuanya telah berjaya dijual. Itu pentinglah. Fasa ketiga merupakan sebuah pusat perkhidmatan yang merangkumi kafeteria, kedai serbaneka, ruang pameran, bilik mesyuarat dan sebagainya juga telah siap pembinaannya. Kini, pihak PDC sedang dalam proses menjemput syarikat-syarikat atau individu yang berminat untuk menyewa di pusat perkhidmatan tersebut. Ini satu konsep yang baru di mana PDC telah membina satu pusat perkhidmatan untuk memberi khidmat nasihat dan pelbagai kepada SME yang bertempat di Batu Kawan dan menjemput *service provider* seperti bank dan lain-lain *service provider* supaya SME boleh pergi ke pusat setempat itu untuk mendapat nasihat, mendapat pinjaman mungkin dan itulah cara kita untuk memperkukuhkan peranan SME dalam ekosistem industri kita.

Selain itu, satu lagi projek IKS yang merangkumi 27 unit kilang di Taman Industri Bukit Minyak juga telah siap dibina. Sehingga kini sebanyak 23 unit kilang telah berjaya dijual dan 40% daripadanya telah mula beroperasi. Kerajaan Negeri mengharapkan agar inisiatif yang dilaksanakan ini dapat membantu pengusaha IKS meningkatkan produktiviti pengeluaran mereka. Di samping itu, syarikat-syarikat besar digalakkan untuk bekerjasama dengan syarikat IKS tempatan bagi menjana ekonomi yang lebih stabil dalam kalangan pengusaha IKS.

## **Menggalakkan penyertaan rakyat dalam perniagaan.**

Selaras dengan hasrat untuk memperkasakan rakyat tempatan agar seiring dengan perkembangan industri digital dunia, Kerajaan Negeri dengan kerjasama PDC telah melancarkan Perkhidmatan Perniagaan Global atau *Global Business Services* di Mayang Mall di Bayan Baru sebagai salah satu usaha merangsangkan pelaburan dan peluang pekerjaan. Inisiatif ini bertujuan untuk menggalakkan syarikat tempatan dan global menubuhkan operasi mereka di GBS@Mayang. Sehingga kini, dianggarkan 20 buah syarikat akan turut serta dan bakal menyediakan lebih daripada 2000 peluang pekerjaan berpendapatan tinggi kepada penduduk tempatan dan usahawan.

Dalam masa yang sama, sebuah GBS @ *By The Sea* dan GBS PDC juga akan dibangunkan. Pembangunan baharu GBS @ *By The Sea* di Bayan Lepas ini dianggarkan menelan kos sebanyak RM200 juta yang melibatkan dua fasa pembinaan. Fasa pertama telah pun bermula pada Januari 2018 dan dijangka siap pada tahun 2020 dan mampu menyediakan 3,000 peluang pekerjaan. Sementara ini, GBS PDC yang berlokasi di Bayan Baru, dianggarkan menelan kos sebanyak RM20 juta dan dijangka siap September tahun depan. Minta izin (minum), terima kasih.

## **Skim bantuan modal kepada usahawan.**

Semenjak tahun 2009, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Projek Titian Saksama Rakyat atau PTSR yang menawarkan pinjaman kecil-kecilan kepada peniaga-peniaga kecil bagi menambah modal untuk mengembang perniagaan mereka. Skim bantuan modal ini telah membantu seramai 3,034 penjaja dan peniaga kecil sejak dilaksanakan dengan jumlah keseluruhan pinjaman sebanyak RM15.3 juta dan kutipan balik berjumlah RM12.13 juta. Melihat kepada potensi dan manfaatnya, skim bantuan ini akan diteruskan lagi dengan peruntukan berjumlah RM1 juta lagi pada tahun 2019 dan penjenamaan semula sebagai Skim Pinjaman Harapan. Usaha murni ini dilihat memberi impak kepada rakyat, terutamanya golongan sasar di mana mereka telah berjaya meningkatkan pendapatan dan seterusnya keluar daripada kepompong kemiskinan.

## **Rejuvenasi sektor pertanian.**

Sektor pertanian masih kekal signifikan dan relevan dalam menyumbang kepada KDNK dan perkara ini dapat dilihat pada tahun 2017 di mana sektor pertanian mengalami pertumbuhan positif sebanyak 2.2%, berbanding dengan negatif 2.8% pada tahun 2016. Perkembangan positif ini merangsangkan Kerajaan Negeri untuk terus merangka program dan projek yang berdaya tahan bagi memastikan rantai nilai yang luas dan kukuh, justeru mengurangkan kebergantungan kepada import makanan. Kerajaan Negeri mensasarkan 10% peningkatan hasil pengeluaran tanaman dan peningkatan hasil jualan pelbagai produk asas tani pada tahun 2019, agar lebih dinamik dan kompetitif. Sehubungan itu, sejumlah RM7.31 juta akan diperuntukkan bagi pembangunan pertanian, meliputi pelbagai subsektornya.

Bermula pada tahun 2019, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian juga berusaha untuk meningkatkan hasil pengeluaran padi daripada 5.8 tan metrik per hektar kepada 7.0 tan metrik per hektar dalam tempoh dua (2) tahun akan datang. Seiring dengan revolusi industri 4.0, sektor pertanian akan ditransformasikan dengan perkembangan teknologi masa kini. Pangkalan data statistik dan geospasial akan dibangunkan bagi membantu petani meningkatkan hasil pengeluarannya. Dengan adanya pangkalan data tersebut, amalan agronomi akan lebih efisien dan teknologi automasi yang dibangunkan akan lebih praktikal serta efektif.

Selain itu, bagi memastikan bekalan bahan makan mencukupi, tersedia dan selamat dimakan, Kerajaan Negeri juga sedang membangunkan Tapak Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di Ara Kuda, Batu Kawan Agropark dan Permatang Pauh Agropark yang diharap dapat menjamin bekalan makanan khususnya bagi penduduk di Negeri Pulau Pinang.

Amalan Pertanian Baik (APB) merupakan faktor utama dalam pembangunan pertanian mampan agar sumber alam digunakan secara optima dan cekap. Justeru, semua petani diberi latihan untuk mengamalkan APB di ladang masing-masing dan seterusnya diiktiraf dengan pensijilan *Malaysian Good Agricultural Practice (myGAP)* dan *Malaysian Organic (myOrganic)*.

Bagi meningkatkan penglibatan golongan belia dalam sektor pertanian, Program Petani Pelapis akan mula diperkenalkan. Malahan penggunaan teknologi pertanian yang moden akan dipertingkatkan bagi menarik minat golongan belia dan memaksimumkan pendapatan petani.

## **Meningkatkan potensi akuakultur negeri ini.**

Selain itu, Pulau Pinang juga harus berbangga apabila menjadi penyumbang kepada sebanyak RM1.6 bilion daripada RM3 bilion jumlah keseluruhan hasil akuakultur (perikanan) negara. Malahan pada tahun 2017, jumlah pengeluaran keseluruhan akuakultur bagi sistem ternakan di Pulau Pinang meningkat 51% iaitu 45,743 tan metrik bernilai RM815.20 juta. Bayangkan sangkar-sangkar ikan di SPS dapat menghasilkan nilai sehingga RM1.6 billion. Syabas! Melihat kepada peningkatan ini, Pulau Pinang mempunyai potensi yang cukup besar dalam sektor akuakultur, sekiranya prospek perikanan diperluaskan bagi menjamin pendapatan lumayan kepada penternak. Untuk itu, Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan cadangan untuk menjadikan industri penternakan ikan dalam sangkar sebagai salah satu daya tarikan akuapelancongan baharu negeri. Selain itu, bagi meringankan beban golongan nelayan, Kerajaan Negeri akan meneruskan pemberian bantuan pukut pantai sebanyak RM400 setahun. Dianggarkan seramai 3,000 orang nelayan yang berdaftar dengan LKIM akan menerima manfaat daripada pemberian ini. Kerajaan Negeri akan menyediakan peruntukan sebanyak RM1.2 juta bagi tujuan ini.

## **Mengukuhkan industri ternakan negeri.**

Industri penternakan negeri turut berkembang dengan positif. Dalam perkembangan ekonomi semasa, produktiviti komoditi ayam (daging/telur) dan khinzir telah memberi sumbangan ekonomi yang terbesar iaitu 93.17% daripada keseluruhan nilai hasil ternakan utama

negeri pada tahun 2017 dengan jumlah RM854.02 juta. Prospek ekonomi bagi komoditi utama ini menyumbang hasil melebihi tahap sara diri, 100% untuk menampung keperluan penduduk negeri ini. Walaupun berlaku kenaikan kos pengeluaran, produktiviti terus meningkat dengan sokongan kaedah penternakan moden, ladang yang canggih dan peningkatan kualiti sumber manusia. Sungguhpun begitu, komoditi lembu/kerbau dan kambing/bebiri didapati hanya menyumbang kurang daripada 5% kepada Nilai Hasil Ternakan. Ini kerana terdapat kekangan dari segi guna tanah dan keadaan ini memaksa petani untuk melaksanakan transformasi sistem penternakan yang lebih moden, mesra alam dan berskala komersil bagi menampung permintaan pasaran.

### **Merencanakan Sektor Pelancongan.**

Negeri Pulau Pinang kaya dengan keindahan alam semula jadi, khazanah bangunan warisan dan pelbagai pilihan makanan hasil migrasi dan asimilasi kaum 1,200 tahun di negeri ini. Mengambil peluang tersebut, Kerajaan Negeri akan terus memperhebat dan meningkatkan daya saing program-program pelancongan dan kebudayaan untuk menarik lebih ramai pelancong ke negeri kita. Bagi tahun 2019, sebanyak RM34 juta akan diperuntukkan bagi mempromosi dan merencanakan lagi sektor pelancongan di negeri ini. Yang Berhormat Bukit Tambun boleh pohonlah untuk Pulau Aman dan Bukit Gedong bersama dengan EXCO Pelancongan.

Sejak tiga tahun kebelakangan ini, ketibaan pelancong ke Negeri Pulau Pinang menunjukkan peningkatan. Buktinya, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang yang mempunyai kapasiti 6.5 juta orang pada tahun 2016 telah meningkat kepada seramai 7.2 juta orang pada tahun 2017 iaitu peningkatan sebanyak 8.2%. Pada tahun 2018, dijangka jumlah penumpang akan mencapai 7.8 juta orang dan ini menunjukkan bahawa Negeri Pulau Pinang merupakan destinasi pelancongan popular di rantau Asia. Antara faktor pertambahan penumpang ini adalah hasil daripada usaha Kerajaan Negeri yang memulakan beberapa penerbangan terus dari syarikat-syarikat penerbangan ke beberapa destinasi utama dunia seperti Doha melalui penerbangan Qatar Airways, Banda Aceh dan Nanning melalui penerbangan Malindo Airlines, Jakarta melalui penerbangan Citilink manakala Hanoi dan Phuket melalui penerbangan Air Asia.

Program-program mega bertaraf antarabangsa juga menjadi daya tarikan pelancong. Antaranya ialah Program Pesta Belon Udara Panas yang telah menarik 180,000 orang pengunjung dan *Penang International Food Festival* telah menarik 708,000 orang pengunjung. Dalam masa yang sama, Pulau Pinang juga berbangga apabila memecahkan dan memperbaharui rekod dunia dalam *Guinness World Record* bagi *Largest Food Truck Rally in The World* melalui acara *Food Truck Invasion* yang telah menghimpunkan 158 buah trak makanan. Bagi mensasarkan Pulau Pinang sebagai destinasi pilihan di kalangan remaja, Kerajaan Negeri turut mula memberi fokus untuk membangunkan Pulau Pinang sebagai hub *e-Sport* di Malaysia. Justeru, program *Penang e-Sport Festival (PeF2019)* akan mula mengambil tempat pada tahun 2019 dan bakal menjadi satu lagi tarikan baharu di Negeri Pulau Pinang.

### ***Penang Art District.***

*Penang Art District* merupakan satu lagi tarikan baharu yang bakal menjadi pemangkin dalam industri kreatif dalam konsep bandar kontena yang dilengkapi dengan taman landskap. Projek ini akan meningkatkan nilai seni dan budaya Pulau Pinang melalui penglibatan artis, seniman, pendidik dan masyarakat umum. Untuk tujuan ini, Kerajaan Negeri telah menyediakan sebidang tanah berkeluasan 9.2 ekar bersebelahan Gat Lebu Macallum dan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu.

### **Memelihara Kekayaan Khazanah Warisan Negeri.**

Tahun 2018, Dato' Yang di-Pertua genaplah 10 tahun bandar George Town diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO. Pelbagai program dan aktiviti dilaksanakan bagi

mendekatkan rakyat dengan tinggalan warisan yang masih dipelihara sehingga kini. Perayaan George Town Festival dilaksanakan saban tahun dan ia menarik pelbagai lapisan masyarakat termasuk pelancong untuk hadir memberi sokongan. Bagi tahun 2019, festival ini akan diteruskan dengan anggaran peruntukan sebanyak RM3 juta.

Projek Rejuvenasi Sia Boey sebagai Taman Hijau Arkeologi Bandar akan memberikan imej baharu kepada Negeri Pulau Pinang. Fasa pertama projek ini, iaitu pembersihan Terusan Prangin lama telah pun siap dan fasa kedua yang melibatkan kerja membaik pulih Pasar Prangin dan kerja-kerja landskap telah bermula September tahun ini. Manakala fasa ketiga pula akan melibatkan pemuliharaan 22 buah bangunan rumah kedai warisan.

Kerajaan Negeri melalui George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) juga telah melancarkan Dana Benih Habitat Warisan pada tahun 2018 dengan peruntukan sejumlah RM3.0 juta sebagai insentif kepada pemilik premis warisan Kategori (II) yang menyewakan premis mereka kepada penyewa jangka panjang. Pemberian dana ini adalah untuk membantu pemulihan fizikal premis dan memberi pelepasan terhadap kos pemuliharaan bagi mencegah kenaikan kadar sewa dan mengekalkan penyewaan jangka panjang di Tapak Warisan Dunia George Town.

Kerajaan Negeri, melalui *George Town Conservation & Development Corporation Sdn. Bhd.* (GTCDC) sedang melaksanakan kerja-kerja penambahbaikan Kawasan Pesisir Utara (*North Seafront*) yang terletak di dalam Kawasan Tapak Warisan Dunia UNESCO. Untuk itu, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM7 juta pada tahun 2019, manakala RM12 juta lagi akan dibiayai oleh MBPP. Kerja menaik taraf ini akan dilaksanakan secara berperingkat dan melibatkan perkongsian peruntukan kewangan di antara Kerajaan Negeri, MBPP dan *Think City*.

Selain itu, GTCDC juga dalam perancangan untuk melakukan kerja-kerja menaik taraf kawasan *East Seafront* di sepanjang kawasan gudang terbiar bersebelahan *Swettenham Pier Cruise Terminal*. Kawasan ini akan dipulihara dan akan dijadikan kawasan ruang awam untuk tujuan riadah dan rekreasi. Kos awal adalah dianggarkan berjumlah RM4 juta.

### **TERAS KETIGA : MEMPERKASAKAN RAKYAT UNTUK MENINGKATKAN PENYERTAAN MASYARAKAT.**

#### **Wanita Sebagai Tunggak Negeri.**

Kerajaan Negeri mengiktiraf peranan wanita dalam memajukan masyarakat dan negara. Ini dibuktikan melalui dasar minimum 30% perwakilan wanita dalam Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) yang dahulunya dikenali sebagai JKKK. Dasar ini mensasarkan sekurang-kurangnya lima (5) orang wanita dilantik dalam MPKK menjelang tahun 2021. Malah ia akan dipanjangkan kepada pelantikan Ahli-Ahli Majlis di kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan.

Selaras dengan anjakan paradigma dalam mencapai kesaksamaan *gender*, Kerajaan Negeri telahpun memulakan langkah awal dengan mewujudkan satu portfolio baharu iaitu Keterangkuman Gender pada tahun ini. Jawatankuasa ini bertanggungjawab merangka kerja, dasar dan pelan tindakan ke arah itu. Antara projek awal yang telah dilaksanakan adalah *Gender Responsive and Participatory Budget* yang merupakan pendekatan di peringkat negeri untuk memastikan kesaksamaan gender tanpa mengira etnik, agama dan status sosio-ekonomi. Sejumlah RM200,000 akan diperuntukkan bagi portfolio Keterangkuman Gender untuk melaksanakan pelbagai program pada tahun 2019.

Menyedari pentingnya pembangunan keluarga dalam membantu perkembangan modal insan negeri, Kerajaan Negeri merancang untuk melaksanakan sambutan Hari Keluarga Peringkat Negeri yang juga akan menjadi agenda tahunan negeri. Justeru, sejumlah RM800,000

akan diperuntukkan pada tahun 2019 di bawah MMK Pembangunan Wanita dan Keluarga bagi menganjurkan sambutan ini dan mengadakan pelbagai program lain.

### **Transformasi Pendidikan.**

Bagi menggalakkan pembelajaran sains, teknologi, *engineering* dan matematik (STEM), Kerajaan Negeri sedang membangunkan *Penang Digital Library* fasa dua dengan kos sebanyak RM10.8 juta. *Penang Digital Library* fasa dua ini boleh memuatkan seramai 540 orang pengguna dalam satu-satu untuk melaksanakan segala jenis aktiviti dan program yang berkaitan dengan konsep STEM. Kerajaan Negeri juga akan meningkatkan bilangan bahan bacaan elektronik kepada 20,000 unit berkaitan dengan STEM, selaras dengan permintaan pengguna. PDL Fasa 2 ini dijadualkan akan mula beroperasi pada bulan Disember 2018.

Tidak sekadar tertumpu di Pulau, penduduk di kawasan Seberang Perai juga bakal mendapat peluang untuk menggunakan perkhidmatan perpustakaan digital ini. Bagi memastikan perkara ini, Kerajaan Negeri sedang membina sebuah perpustakaan digital di kawasan Butterworth, betul? Yang akan dikenali sebagai *Butterworth Digital Library* (BDL) yang dijangka siap pada Oktober 2019 dengan kos keseluruhan sebanyak RM4.6 juta. Bagi memacu budaya Revolusi Industri 4.0 dalam Pendidikan Agama Islam, Kerajaan Negeri akan menubuhkan Perpustakaan Digital Islam Pulau Pinang (PIDL) dalam tahun 2019. Tujuan PIDL ini dibina adalah untuk menggalakkan penduduk Negeri Pulau Pinang menghayati semua bidang keagamaan Islam secara elektronik, khasnya bidang Sains Keislaman. Sejumlah RM5 juta akan diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri, melalui MAINPP bagi projek ini yang dijangka siap pada suku ketiga tahun 2019.

Walaupun sektor pendidikan bukanlah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri, namun Kerajaan Negeri juga akan terus memberi bantuan yang setimpal dengan bidang pendidikan demi memperkasakan pembangunan modal insan. Kerajaan Negeri akan menyediakan peruntukan sebanyak RM12 juta di bawah program bantuan pendidikan untuk sekolah mubaligh, sekolah Cina persendirian, sekolah tamil dan sekolah agama rakyat (SAR) seperti tahun-tahun sebelum ini.

### **Membudayakan Sukan dan Riadah**

Kerajaan Negeri mengucapkan tahniah kepada semua atlet yang berjaya mengharumkan nama Negeri Pulau Pinang dalam Sukan Malaysia Ke-19 (SUKMA) di Perak pada bulan September lalu. Negeri Pulau Pinang berjaya merangkul 32 pingat emas, 30 pingat perak, 30 pingat gangsa serta menduduki tempat ketujuh daripada 15 buah negeri yang bertanding. Bagi menghargai semangat perjuangan para atlet, Kerajaan Negeri telah menaikkan insentif kepada penerima pingat ini bagi pingat emas individu daripada RM3,000 kepada RM4,000, pingat perak individu dari RM2,000 kepada RM2,500, manakala pingat gangsa individu dari RM1,000 kepada RM1,500. Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi tujuan ini adalah sebanyak RM300,000.

Bagi terus meningkatkan prestasi semua atlet ini, Kerajaan Negeri juga akan melaksanakan program atlet-atlet pelapis. Seramai 451 orang atlet sokongan yang melibatkan 17 jenis sukan sedang diasah bakatnya sebagai pelengkap kepada skuad atlet latihan negeri. Kerajaan Negeri juga akan membina sebuah kolam renang bertaraf antarabangsa yang akan dilengkapi dengan platform untuk sukan terjun air di Ampang Jajar, Permatang Pauh.

Sebuah Stadium Velodrom yang turut dilengkapi dengan kemudahan gelanggang bola keranjang terbuka dan sebuah Kompleks Renang Bertaraf Antarabangsa, sebagaimana yang dimaklumkan dalam ucapan Bajet 2016 yang lalu, akan dimulakan di persisiran pantai Queensbay pada tahun 2019. Kerajaan Negeri juga akan membina sebuah lagi Kompleks Sukan Bertaraf Antarabangsa yang terdiri daripada 12 gelanggang badminton di atas sebahagian Lot 576, sebahagian Lot 552 dan sebahagian Simpanan Jalan (Lebu Sungai Pinang 7), Seksyen 8, Daerah Timur Laut (DTL), dengan kos RM30 juta. Kerajaan Negeri juga akan menyediakan

peruntukan sejumlah RM1.5 juta pada tahun 2019, untuk pembinaan gelanggang futsal di setiap daerah.

Kemudahan rekreasi yang lain turut disediakan bagi meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan rakyat sebagai platform integrasi sosial. Untuk itu, sejumlah RM55 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri melalui MPSP untuk menyediakan kemudahan sukan dan alat permainan di tempat rekreasi awam dan sukan. Manakala sejumlah RM4.1 juta telah disediakan oleh MBPP bagi tahun 2019 untuk menaik taraf taman rekreasi, penanaman pokok dan lanskap bagi memberi kemudahan serta keselesaan kepada penduduk-penduduk setempat untuk beriadah.

Bagi memastikan keseimbangan pembangunan di Seberang Perai dan bahagian Pulau, Kerajaan Negeri akan membina Nibong Tebal Arena yang menempatkan dewan serbaguna serta 9 gelanggang badminton di Jalan Bukit Panchor, Mukim 7, Seberang Perai Selatan (SPS). Projek pembangunan ini dijangka akan mula pada bulan Mac 2019 dengan peruntukan RM7 juta.

**TERAS KEEMPAT : MELABUR DALAM PERSEKITARAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM UNTUK MENINGKATKAN DAYA TAHAN DALAM PELBAGAI KEADAAN.**

### **Pembangunan Lestari dan Seimbang**

Negeri Pulau Pinang berkeyakinan untuk mencapai pertumbuhan ekonomi dan kelestarian alam sekitar, seiring dengan pembangunan melalui Agenda Hijau Pulau Pinang 2018 hingga 2030. Agenda ini telah disediakan bagi menggubal pelbagai strategi bagi membina sebuah komuniti yang berdaya tahan untuk menyahut cabaran persekitaran dan matlamat pembangunan lestari pada masa hadapan.

Antara program yang telah dirangka di bawah Agenda Hijau Negeri adalah Program Sekolah Hijau dan *Green Building Index* (GBI) di mana Pulau Pinang merupakan negeri yang mempunyai keluasan lantai binaan '*GBI rated*' yang ke-3 terbesar di Malaysia. Ini secara tidak langsung dapat membantu mengurangkan pelepasan karbon dioksida (CO<sub>2</sub>) di negeri ini. Selain itu, Kerajaan Negeri juga menyeru kepada semua pemaju supaya keluar daripada reka bentuk pembangunan yang bersifat tradisional kepada mereka bentuk pembangunan yang mengandungi pembangunan pintar, bangunan pintar, infrastruktur pintar, pejabat pintar, persekitaran pintar, mobiliti pintar, ekonomi pintar, masyarakat, kerajaan berteraskan teknologi semasa.

Selaras dengan hasrat Penang 2030, Kerajaan Negeri telah menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) bersama United Nation (UN) Habitat pada 6 Oktober ini di mana ia merupakan pertama kalinya dilaksanakan di Malaysia. MoU ini bertujuan untuk mewujudkan jalinan kerjasama yang lebih erat di antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan UN Habitat, ke arah memastikan pembangunan mampan dan seimbang di Pulau Pinang. MoU ini adalah sejajar dengan *Sustainable Development Goals* (SDG) oleh UN Habitat, iaitu "*mewujudkan bandar dan penempatan manusia yang inklusif, selamat, berdaya tahan dan lestari*" dan Agenda Perbandaran Baharu atau New Urban Agenda (NUA). Bagi memastikan kejayaannya, RM 1 juta akan diperuntukkan untuk tujuan ini.

Kerajaan Negeri memandang serius kepada insiden tanah runtuh yang berlaku di Bukit Kukus baru-baru ini. Adalah menjadi agenda utama Kerajaan Negeri untuk mencegah daripada kejadian sama berulang di masa hadapan. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri akan menyediakan peruntukan sejumlah RM10 juta pada tahun 2019 bagi kerja-kerja pembaikan cerun.

Dato' Yang di-Pertua,

### **Negeri Hijau (*Green State*).**

Bagi menjamin persekitaran hijau yang sihat dan pembangunan yang mampan, Kerajaan Negeri telah menjalankan aktiviti penanaman pokok sepanjang tempoh 10 tahun yang lalu untuk mengimbangi pelepasan karbon melalui penghasilan oksigen. Untuk itu, sebanyak 363,665 pokok telah ditanam di bahagian pulau dan 255,315 pokok di bahagian Seberang Perai. Kerajaan Negeri berhasrat untuk menanam 100,000 pokok lagi dalam tempoh lima (5) tahun akan datang bagi memulihara alam sekitar. Pada tahun 2019, Kerajaan Negeri melalui kedua-dua PBT akan memperuntukkan sejumlah RM5.2 juta untuk melaksanakan program-program penghijauan.

Selaras dengan visi *Penang 2030*, saya ingin mengumumkan projek perintis untuk memenuhi keperluan rakyat agar lebih sihat. Kerajaan Negeri akan menambahkan kawasan hijau untuk tujuan riadah seluas 41 ekar melalui pelaksanaan Pembangunan Projek Gurney Wharf di kawasan projek tambakan laut Seri Tanjung Pinang berhampiran Gurney Drive, Daerah Timur Laut bertujuan untuk mewujudkan taman awam yang terpanjang sehingga ke Padang Kota dari Gurney Drive ke Padang Kota dan kalau boleh sambung kepada Clan Jetty. Projek ini akan dilaksanakan secara berfasa, di mana Fasa 1 melibatkan anggaran kos RM100 juta dan akan mula pada pertengahan tahun 2019 dan jangka siap pada akhir tahun 2021.

### **Pengurusan Sisa Pepejal untuk Kesejahteraan**

Dalam usaha untuk meningkatkan tahap kebersihan dan menghijaukan alam sekitar, Kerajaan Negeri melalui MBPP sedang membina stesen pemindahan sampah dengan kos sebanyak RM61.5 juta di Batu Maung. Stesen tersebut yang berupaya menerima sehingga 800 tan sampah sehari akan siap beroperasi mula 1 Disember 2018. Semua sampah bahagian Pulau akan disalurkan ke stesen ini untuk dimampat dan diangkut melalui Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah ke Tapak Pelupusan Sampah di Pulau Burung untuk dilupuskan. Terima kasihlah ke kawasan Jawi kerana ada Pulau Burung. Itu sumbangan juga.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui kedua-dua PBT telah menguatkuasakan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca di seluruh negeri. Fasa seterusnya melibatkan pengasingan sisa organik yang akan dilaksanakan pada awal tahun hadapan. Pengurangan sisa organik yang dijangka dihantar ke tapak pelupusan akan mengurangkan penjanaan gas metana dan seterusnya melindungi alam sekitar. Dasar ini dapat meningkatkan kadar kitar semula negeri yang kini pada kadar 38 peratus iaitu tertinggi dalam negara, selaras dengan matlamat Negeri Pulau Pinang untuk sentiasa bersih dan hijau. Mulai 1 Januari 2019, Kerajaan Negeri akan menguatkuasakan undang-undang Dasar Pengasingan Sisa Di Punca bagi premis kediaman bertanah.

### **Mereformasi Perkhidmatan PBT**

Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa peranan PBT dalam sebuah negeri maju menjadi kian penting dan mencabar. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri berhasrat untuk melaksanakan reformasi Kerajaan Tempatan dengan melibatkan penyertaan rakyat melalui aktiviti sukarela dan memanfaatkan penyebaran maklumat melalui media sosial bagi mempercepatkan tindakan. Ini kerana, menjelang tahun 2020 dijangkakan lebih 50% rakyat akan bergerak ke bandar. Justeru, PBT disaran untuk mula bergerak seiring dengan perkembangan *Industri 4.0* dengan mengambil manfaat *state of the art technologies* seperti *Artificial Intelligence (AI)*, *Internet of Things (IoT)*, *big data* dan *wireless communication* ke arah kelestarian pembangunan demi mencapai bandar rendah karbon. Pendekatan yang digunakan juga perlu berpaksikan rakyat atau *people centric industrial revolution 4.0*.

Kerajaan Negeri memuji langkah kedua-dua PBT yang telah memulakan pendekatan *people centric* dalam perancangan pembangunan setempat dengan melaksanakan *participatory budgeting process* yang memberi ruang kepada penglibatan langsung masyarakat untuk merencana program dan projek di peringkat PBT.

PBT juga perlu meneruskan kerja-kerja menaiktaraf medan selera, tandas awam dan pasar awam. PBT perlu memberikan perhatian serius kepada usaha penambahbaikan kemudahan asas termasuk jalan, saliran dan jambatan.

Salah satu lagi usaha untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan PBT khususnya di kawasan Seberang Perai, Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk mengemukakan permohonan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk menaik taraf Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) kepada Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSB). Permohonan ini akan dikemukakan dalam tempoh yang terdekat.

### **Pengurangan Cukai Pintu oleh MBPP dan MPSP**

Kerajaan Negeri akan terus prihatin terhadap cabaran yang dihadapi oleh rakyat, terutamanya tanggungan kewangan, oleh itu, Kerajaan Negeri, melalui MBPP dan MPSP bersetuju untuk meneruskan dasar pengurangan cukai pintu pada tahun 2019 kepada penghuni-penghuni rumah kos rendah dan kos sederhana rendah di mana mereka akan menikmati pengurangan cukai pintu pada kadar 50%, manakala pengurangan sebanyak 3% pula akan diberikan kepada semua kategori cukai pintu yang lain. Dengan itu, Kerajaan Negeri amat berharap ianya sedikit sebanyak akan dapat meringankan beban rakyat.

### **Mempertingkatkan Pengurusan Lalu Lintas**

Kerajaan Negeri amat menggalakkan penggunaan pengangkutan awam yang murah, cepat dan selesa sebagai usaha untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas. Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri berusaha untuk membudayakan penggunaan teknologi hijau dan inisiatif rendah karbon dalam sistem pengangkutan awam. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri kini dalam proses untuk melaksanakan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) yang mengandungi projek sistem LRT, tiga jalan berkembar, terowong dasar laut dan beberapa projek lagi sebagai usaha mengatasi masalah kesesakan trafik. Antaranya, pembinaan Pakej 2 Projek Jalan-jalan Utama iaitu Jalan Pintasan dari Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Ayer Itam yang dijangka akan bermula pada tahun 2019.

### **Keberkesanan Sistem Pengangkutan Awam**

Kerajaan Negeri sedar bahawa masalah *first mile* dan *last mile* telah menghalang keberkesanan sistem pengangkutan awam. Maka dengan itu, bermula pada April 2018 yang lalu, perkhidmatan bas percuma yang baru iaitu *Congestion Alleviation Transport* (CAT) telah diperkenalkan. Kerajaan Negeri akan terus melaksanakan program Bas CAT percuma dengan kos RM15 juta ringgit pada tahun 2019. Pemantauan program ini akan dibuat bagi memberikan perkhidmatan yang lebih baik pada masa hadapan.

Bagi perkhidmatan perhubungan melalui udara, Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan jabatan dan agensi Kerajaan Persekutuan yang berkaitan untuk penyediaan Pelan Induk Komprehensif Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang bagi menggandakan kapasiti dan menambahbaik perkhidmatan dan fasiliti kargo. Pelan ini akan meneliti keperluan pelebaran landasan untuk mengendalikan pesawat besar seperti Airbus A380 dan mewujudkan laluan antarabangsa baharu di Pulau Pinang. Kerajaan Negeri juga akan terus berhubung dengan Kementerian berkaitan berhubung dengan projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang ini hanya mampu menanggung kapasiti penumpang dan kargo untuk tempoh 20 hingga 30 tahun yang akan datang sahaja. Bagi masa depan jadi satu cabaran kepada Negeri Pulau



Pinang. Bagi keperluan lapangan terbang selepas tahun 2050, apa akan berlaku? Kerajaan Negeri, Oleh itu Kerajaan Negeri mencadangkan pembinaan sebuah lapangan terbang antarabangsa yang baharu iaitu. Cadangan sahaja. Iaitu Lapangan Terbang Antarabangsa Koridor Utara, bukan untuk Pulau Pinang sahaja, tetapi untuk koridor utara meliputi Perak, Kedah dan Perlis. Lokasi di mana?... (gangguan). Kita akan bincang. Kita cadang di tanah tebus guna di Batu Maung yang berdekatan dengan Pulau Rimau. Untuk itu, Kerajaan Negeri akan menjalankan Kajian Kebolehlaksanaan projek ini dalam tempoh terdekat.

Agenda Penang 2030 adalah lain turut memberi penekanan kepada penambahbaikan perhubungan melalui laut dan perkhidmatan pengangkutan air. Kerajaan Negeri telah memberi perancangan awal untuk pembangunan pinggir laut George Town di sekitar Dermaga Swettenham (Swettenham Pier), termasuk pemuliharaan Kota Cornwallis, menaiktaraf tembok laut (Seawall) di sepanjang Padang Kota, pemuliharaan gudang, dan pembangunan semula Terminal Feri Pengkalan Tun Raja Uda. Ini akan membantu memperkenalkan perkhidmatan Rapid Feri ke kawasan tanah besar Butterworth dan memperkenalkan perkhidmatan teksi air sebagai mod pengangkutan baharu.

Sebagai negeri yang terletak di utara tanah air, Pulau Pinang boleh dianggap bertuah kerana mempunyai kelebihan sebagai lokasi yang strategik. Projek *Penang Sentral* yang kini sedang giat dibangunkan oleh MRCB di atas tanah seluas 22.65 ekar yang terletak di Bandar Butterworth, dengan nilai pembangunan kasar sebanyak RM2 bilion diharap dapat bertukar menjadi hub pengangkutan di utara Semenanjung Malaysia yang akan menghubungkan perkhidmatan feri, bas, teksi, rel seperti ETS, komuter dan keretapi antara bandar, sekaligus menjadi salah satu pintu masuk ke Koridor Utara Semenanjung. Selain berfungsi sebagai pusat pengangkutan, ia juga dilengkapi pusat komersial dan kediaman, meliputi pembangunan seluas 6 juta kaki persegi. Pembinaan hub ini turut mengambilkira keperluan fasiliti untuk Orang Kelainan Upaya, malah akan turut dilengkapi dengan Pondok Polis, kaunter Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) serta Pejabat Agensi Pengangkutan Awam Darat. Pembinaan Fasa I dijangka siap dan beroperasi pada bulan Disember ini.

### **Pengurusan Banjir**

Sepertimana yang telah diumumkan sebelum ini, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM150 juta untuk melaksanakan lapan (8) buah projek tebatan banjir berimpak tinggi bagi mengurangkan risiko banjir, terutamanya di beberapa kawasan titik panas. Suka saya memaklumkan bahawa projek ini telah pun dimulakan dengan enam (6) daripadanya telah dilaksanakan sejak Mac yang lalu dan dua (2) projek lagi akan dimulakan pada bulan Disember tahun ini. Kesenambungan pelaksanaan projek tebatan banjir di lokasi titik panas akan dilaksanakan dari semasa ke semasa oleh Kerajaan Negeri.

Di samping itu, Kerajaan Negeri juga turut memohon projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) berjumlah RM1.0 bilion daripada Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan 13 buah projek RTB di Pulau Pinang. Berkenaan permohonan projek RTB ini, terdapat khabar baik daripada YB. Menteri Air, Tanah, dan Sumber Asli dalam kunjungan YB. ke Negeri Pulau Pinang baru-baru ini. Projek RTB Sungai Pinang Fasa 3 yang telah tertangguh sejak sekian lama telah pun diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan dan dijangka akan bermula pada Bulan April 2019. Kerja-kerja pelebaran lembangan Sungai Pinang sepanjang 1.5 kilometer ini melibatkan kos sebanyak **RM150 juta** ringgit dan apabila siap akan memberi manfaat kepada 150,000 orang penduduk di sekitarnya.

### **MEMARTABATKAN INSTITUSI ISLAM**

Pada tahun 2019, sejumlah RM56.8 juta ringgit akan diperuntukkan, bertujuan untuk mengukuhkan Institusi Islam. Seiring itu, Kerajaan Negeri akan terus berperanan untuk memartabatkan Institusi Islam melalui pembangunan dan program yang dapat melahirkan modal insan yang cemerlang. Antara pembangunan yang telah dilaksanakan adalah dalam aspek

kemudahan prasarana masjid dan surau. Pada tahun 2018, terdapat beberapa projek membina masjid baharu yang dilaksanakan secara kerjasama antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan iaitu Masjid Seri Serdang, Masjid Penaga dan Masjid Kubang Ulu. Ketiga-tiga masjid ini telah pun siap dibina sepenuhnya. Malahan terdapat dua (2) lagi masjid baharu yang sedang dalam peringkat pembinaan iaitu Masjid Kampung Rawa dan Masjid Kampung Bonggol.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga terus prihatin terhadap pembangunan Sekolah Agama Rakyat di Negeri Pulau Pinang. Ini dibuktikan melalui projek pembinaan baharu Sekolah Agama Rakyat di Masjid Seberang Perai Selatan dan Sekolah Agama Rakyat di Masjid Abdullah Fahim yang dijadualkan siap pada akhir tahun ini.

### **Penubuhan Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Pulau Pinang**

Dalam memperkasakan urusan tadbir Hal Ehwal Agama Islam terutamanya perundangan dan pendakwaan Syariah, Kerajaan Negeri telah memulakan penambahbaikan melalui insentif untuk mengasingkan Bahagian Pendakwaan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang menjadi satu jabatan yang berasingan bagi memperkemas lagi kedudukan institusi perundangan syariah untuk masyarakat Islam di negeri ini. Adalah diharapkan agar proses perundangan syariah dapat dilaksanakan dengan lebih baik dan telus.

### **PENGURUSAN PERBELANJAAN MENGRUS DAN PEMBANGUNAN**

Dato' Yang di-Pertua,

Rang Undang-Undang Perbekalan 2019 adalah bertujuan untuk mendapatkan kuasa berkanun bagi membolehkan Kerajaan Negeri membuat Perbelanjaan Bekalan sebanyak **RM866,873,457.00** untuk 19 jabatan bagi tahun 2019, seperti mana perincian di Risalah Bil. 3 Tahun 2018. Selain daripada itu, peruntukan sejumlah **RM34,314,930.00** diperlukan untuk Perbelanjaan Tanggungan tiga (3) jabatan mengikut undang-undang di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Oleh itu, jumlah keseluruhan Perbelanjaan Mengurus yang dianggarkan pada tahun 2019 ialah **RM901,188,387.00**.

Bagi tahun 2019, Kerajaan Negeri mensasarkan bahawa hasil yang akan dapat dikutip berjumlah **RM505,500,000.00**. Jangkaan hasil yang lebih rendah ini adalah kerana sumber hasil Kerajaan Negeri yang terhad serta tiada punca hasil baru. Meskipun begitu, Kerajaan Negeri akan berusaha untuk melipatgandakan kutipan hasil daripada faedah pelaburan berupa bayaran dividen dan kadar faedah simpanan tetap. Ini akan dilaksanakan dengan meneroka peluang terbaik yang ditawarkan oleh sektor pelaburan kewangan. Walaupun jangkaan hasil negeri pada tahun depan tidak meningkat dengan ketara, Kerajaan Negeri tetap komited dalam mengekalkan perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan Negeri supaya dapat terus mencapai objektif dalam memastikan perkhidmatan awam yang efisien kepada rakyat Negeri ini. Pembentangan Belanjawan defisit untuk tahun depan ini tidak dapat dielakkan, dengan mengambil kira keperluan untuk memastikan semua projek pembangunan yang telah dirancang dan dalam peringkat pelaksanaan dapat disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan demi kesejahteraan rakyat.

Anggaran defisit untuk Belanjawan depan ialah RM395.69 juta, iaitu dengan kadar penurunan defisit sebanyak RM352.8 juta berbanding dengan anggaran difisit 2018 iaitu RM748.5 juta. Jumlah defisit pada tahun 2019 ini berkurangan dengan ketara, iaitu sebanyak 47 peratus berbanding dengan tahun 2018 adalah kerana Kerajaan Negeri tidak lagi menyediakan kemudahan pinjaman kepada Badan-badan Berkanun Negeri. Langkah drastik ini perlu diambil oleh Kerajaan Negeri setelah mengambil kira kedudukan kewangan semasa Kerajaan Negeri, selain bertujuan memantapkan kedudukan kewangan semasa.

Kerajaan Negeri mempunyai obligasi terhadap pembayaran emolumen yang tetap meningkat sebanyak 1.16% kepada RM179.01 juta pada tahun 2019 berbanding RM176.96 juta pada tahun 2018 yang disebabkan oleh kenaikan gaji tahunan peningkatan perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan sebanyak 8.60% iaitu daripada RM158.54 juta kepada RM172.13 juta untuk perbelanjaan perkhidmatan, penyelenggaraan dan kerja-kerja pembaikan, sewaan, kos bekalan dan utiliti. Bagi perbelanjaan perolehan aset pula, perbelanjaan untuk tahun 2019 adalah berjumlah RM4.84 juta iaitu pengurangan yang ketara sebanyak 43.70% berbanding tahun 2018. Pengurangan ini turut mengambil kira banyak penggantian aset telah diluluskan pada tahun 2018 mengikut keperluan jabatan-jabatan Negeri.

Selain daripada tiga komponen perbelanjaan mengurus tersebut, komponen perbelanjaan mengurus yang terbesar bagi tahun 2019 ialah perbelanjaan di bawah Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap sebanyak RM540.97 juta. Meski pun begitu, anggaran perbelanjaan ini adalah kurang berbanding peruntukan tahun 2018 yang berjumlah RM902.01 juta. Oleh itu, terdapat penurunan sebanyak RM361.04 juta, ataupun bersamaan dengan 40% berbanding tahun yang lepas. Punca peruntukan yang agak besar di bawah komponen ini adalah disebabkan penyediaan peruntukan sejumlah RM230 juta untuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan Negeri pada tahun 2019 bertujuan menampung perbelanjaan projek-projek pembangunan. Pemberian selainnya adalah termasuk pemberian di bawah program bantuan sosial dan kesejahteraan rakyat berjumlah RM100 juta, perbelanjaan bagi faedah, dividen dan kenaan bayaran hutang negeri berjumlah RM5.07 juta, bayaran pencen dan ganjaran berjumlah RM15 juta, tuntutan insuran dan pampasan sejumlah RM10 juta dan bayaran berjumlah RM50 juta kepada badan-badan berkanun negeri, agensi atau persatuan negeri.

Anggaran perbelanjaan Mengurus 2019 adalah berjumlah RM901.19 juta. Sekiranya pindahan RM230 juta daripada Akaun Hasil Disatukan kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri tersebut dikecualikan sebagai perbelanjaan, maka anggaran perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri pada tahun 2019 hanyalah sebanyak RM671.19 juta dan nilai defisit dapat dikurangkan kepada RM165.69 juta sahaja.

Cadangan Bajet Pembangunan Negeri pula berjumlah **RM306,376,987.00** yang merupakan penurunan sebanyak RM378.60 juta atau 55.27% jika dibandingkan dengan tahun 2018. Penurunan melebihi 50% ini antaranya adalah disebabkan tiada kemudahan pinjaman disediakan oleh Kerajaan Negeri kepada Badan Berkanun Negeri pada tahun depan berbanding RM350 juta yang disediakan pada tahun 2018. Penurunan Bajet Pembangunan ini tidak akan menjejaskan projek pembangunan secara langsung yang telah dirancang dan komited oleh Kerajaan Negeri.

Peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi projek-projek pembangunan secara langsung adalah sebanyak RM306.38 juta. Ini menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri dalam memastikan pelaksanaan projek-projek pembangunan yang memberi impak positif kepada rakyat Pulau Pinang sentiasa diberi keutamaan dan dilaksanakan secara berterusan.

Mengambil kira Bajet Mengurus yang dicadangkan adalah sebanyak RM901.19 juta dan Anggaran Hasil pula berjumlah RM505.50 juta, maka ianya menyumbang kepada Belanjawan defisit sebanyak RM359.69 juta. Seperti yang telah dinyatakan, Belanjawan defisit ini tidak hanya berpunca daripada perbelanjaan mengurus langsung sebanyak RM671.19 juta tetapi disebabkan oleh pindahan RM230 juta daripada Akaun Hasil Disatukan ke Kumpulan Wang Pembangunan Negeri untuk pembiayaan projek-projek pembangunan. Anggaran defisit yang dijangka dalam Bajet 2019 akan dibiayai daripada Simpanan Terkumpul Negeri. Kerajaan Negeri menganggarkan defisit RM667 juta pada tahun 2017 tetapi telah mencatatkan lebih RM51 juta pada akhir tahun kewangan 2017 dan seterusnya menyumbang kepada rizab terkumpul berjumlah RM1.09 bilion. Kerajaan Negeri terus positif dan berharap agar pencapaian yang sama akan terus berlaku pada tahun 2018 dan 2019.

Walaupun Kerajaan Negeri menjangkakan defisit bagi Belanjawan tahun depan, namun ianya tidak akan menjejaskan perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri dan semua komitmen pembiayaan bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan, bantuan-bantuan sosial rakyat, pemberian serta program-program Agenda Ekonomi Saksama yang mana akan diteruskan seperti mana dijanjikan. Meskipun, Kerajaan Negeri akan memperhalusi semula program-program tersebut, bagi memastikan manfaatnya dapat dinikmati oleh golongan yang benar-benar memerlukan dan layak, di mana ia adalah selaras dengan keputusan yang telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan berkenaan BR1M.

Dari segi perincian peruntukan Pembangunan yang disediakan untuk sembilan jabatan seperti di Risalah Bil. 3 Tahun 2018. Maksud Pembangunan P16 Jabatan Kewangan Negeri diperuntukkan dengan jumlah yang paling tinggi iaitu RM180 juta. Peruntukan yang besar ini melibatkan peruntukan bagi projek-projek berimpak tinggi seperti Rancangan Tebatan Banjir sejumlah RM83 juta, projek-projek yang dilaksanakan oleh (PDC) bagi pihak Kerajaan Negeri sejumlah RM50.79 juta, projek yang dilaksanakan oleh Chief Minister Incorporated sejumlah RM47.88 juta dan lain-lain projek khas Kerajaan Negeri. Peruntukan pembangunan yang disediakan bagi Maksud Pembangunan Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan adalah berjumlah RM66.82 juta, Jabatan Kerja Raya berjumlah RM24 juta, Jabatan Pengairan dan Saliran berjumlah RM15.27 juta, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam berjumlah RM11.20 juta, Jabatan Perhutanan berjumlah RM2.02 juta dan Jabatan Taman Botani berjumlah RM74,000. Peruntukan yang disediakan bagi Jabatan Pertanian berjumlah RM3.37 juta dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar adalah sebanyak RM2.96 juta iaitu sama seperti peruntukan tahun 2018.

## **PENJAWAT AWAM SEBAGAI PEMANGKIN PEMBANGUNAN NEGERI**

Saya bersyukur Negeri Pulau Pinang mempunyai pasukan penjawat awam yang kuat, profesional dan berintegriti. Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Dato' Seri Setiausaha Kerajaan Negeri dan semua warga kerja di bawah pimpinan beliau, yang sentiasa menunjukkan prestasi yang membanggakan walaupun terpaksa bekerja di bawah tekanan dan cabaran. Amalan kerja yang berprestasi tinggi telah menghasilkan natijah yang cukup baik di mana masalah rakyat diberi perhatian serius dan diambil tindakan yang sewajarnya.

Sebagai pemangkin kepada pembangunan negeri, kebajikan penjawat awam turut menjadi keutamaan Kerajaan Negeri. Penjawat awam termasuklah pesara dan ahli keluarga terdekat dapat menikmati Kemudahan Perbelanjaan Perubatan yang disediakan. Sehingga kini, sebanyak RM1.98 juta telah diperuntukkan untuk bayaran bantuan perubatan di mana perkhidmatan dialisis menunjukkan jumlah bantuan perubatan yang tertinggi sehingga mencecah RM1.04 juta.

Kecemerlangan penjawat awam Negeri Pulau Pinang bukan hanya omongan kosong sebaliknya ditonjolkan dengan anugerah dan pengiktirafan yang telah terima sama ada di peringkat negeri, negara mahupun antarabangsa. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri yang menerima Pengiktirafan Portal atau Laman Web 5 Bintang daripada Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) yang telah menerima dua (2) anugerah peringkat Kebangsaan iaitu Anugerah Pencapaian Industri Air, Loji Rawatan Terbaik dan Anugerah Air untuk Pengurusan daripada Persatuan Air Malaysia (MWA).

Tidak ketinggalan ucapan tahniah turut dirakamkan kepada MBPP di atas Anugerah MyGDI Kebangsaan dalam Simposium Maklumat Geospatial Kebangsaan ke-8. Manakala di peringkat antarabangsa, MBPP turut menerima Anugerah *Asean Clean Tourist City Standard* (2018-2020) di Chiangmai, Thailand pada 26 Januari 2018 dan Anugerah *Best Print Advertisement* semasa program *Tourism Promotion Organization for Asia Pacific Cities* pada 22 Jun 2018 di bandaraya Ho Chi Minh, baru-baru ini.

Tidak lupa juga ucapan tahniah dan syabas kepada MPSP yang mendapat pelbagai pengiktirafan di dalam dan luar negara. Antaranya disenaraikan dalam *The Malaysia Book of Records* atas pencapaian dan kejayaan MPSP mendapat tujuh (7) Pensijilan Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti. MPSP juga turut menerima anugerah *Special Honour Award bagi Government Category: Green Initiatives Award* bagi *Project Butterworth Fringe Festival: A Creative Placemaking In Urban Public Spaces*.

Saban tahun Negeri Pulau Pinang terlibat dengan Pengauditan Pengurusan Kewangan Indeks Akauntabiliti yang dikendalikan oleh Jabatan Audit Negara, Negeri Pulau Pinang. Walaupun kriteria penarafan telah diperketatkan untuk pada tahun 2017, dua (2) buah jabatan telah berjaya mendapat penarafan Cemerlang, iaitu JKR dan MPSP. Tahniah dan syabas diucapkan kepada kedua-dua jabatan ini kerana telah berjaya mengekalkan tahap kecemerlangan pengurusan kewangan. Bagi jabatan dan agensi lain, saya yakin bahawa tahap kecemerlangan yang sama akan dapat dicapai dengan melipatgandakan usaha.

Kerajaan Negeri tidak pernah lupa menghargai penjawat awam di negeri ini dan sebagai penghargaan tambahan bagi tahun 2018, Kerajaan Negeri bersetuju mengambil kira kenaikan harga barangan termasuk minyak petrol, minyak masak dan bahan-bahan subsidi yang lain serta meluluskan bayaran bonus akhir tahun bersamaan setengah bulan gaji penjawat awam atau minimum RM1,000.00. Adalah diharapkan bayaran bonus ini akan meningkatkan semangat penjawat awam di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri untuk memberi perkhidmatan yang lebih cemerlang pada tahun akan datang.

Bagi tujuan pembayaran bonus tersebut melibatkan keseluruhan 3,915 penjawat awam iaitu berjumlah RM5.23 juta. Kesemua bayaran bonus akan dibayar pada bulan Disember ini. Di samping itu, pembayaran kepada 1,590 Penyelia dan Guru KAFA, 270 Guru Sekolah Rendah Agama Rakyat, 182 Guru Sekolah Menengah Agama Rakyat serta 570 guru dan staf Sekolah Persendirian Cina akan diberi penghargaan RM300.00 seorang dan RM200.00 seorang kepada seramai 240 Guru Tahfiz, Guru Pondok dan Guru TADIS di Negeri Pulau Pinang yang akan melibatkan tambahan perbelanjaan berjumlah RM832,000.00.

Bagi pihak Kerajaan Negeri saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri Setiausaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato' Pegawai Kewangan Negeri, Yang Berhormat Dato' Penasihat Undang-undang Negeri dan semua Ketua Jabatan yang banyak membantu menjayakan dasar Kerajaan Negeri. Saya turut ingin menzahirkan penghargaan atas sumbangan semua penjawat awam di negeri ini tidak kira daripada Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Persekutuan.

Seperti mana yang telah saya jelaskan walaupun Kerajaan Negeri membentangkan belanjawan defisit sebanyak RM395.69 juta untuk tahun depan. Namun, komitmen Kerajaan Negeri untuk memastikan projek pembangunan yang mensejahterakan rakyat diteruskan dan Bantuan Khas Kewangan yang lazimnya diberi kepada Anggota Perkhidmatan Awam Negeri akan tetap diperuntukan bagi tahun 2019. Adalah diharapkan seperti mana yang berlaku sejak 2008, walaupun belanjawan defisit dibentangkan setiap tahun. Namun, Kerajaan Negeri tetap mampu mencatatkan belanjawan lebihan kerana sentiasa berpegang kepada urus tadbir CAT dan kepimpinan yang bersih. Saya berharap belanjawan yang dibentangkan ini dapat merealisasikan impian Kerajaan Negeri dalam mencapai wawasan pembangunan negeri ke arah Penang 2030.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon menyokong.

**Setiausaha Dewan:**

Usul Anggaran Pembangunan Tahun 2019 daripada Y.A.B. Ketua Menteri.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Dewan ini meluluskan perbelanjaan sebanyak RM306,376,987.00 yang tertera di dalam Anggaran Pembangunan Tahun 2019 yang dibentangkan sebagai Risalah Dewan Bilangan 3 tahun 2018 dan menetapkan bahawa jumlah yang tersebut hendaklah digunakan bagi tujuan-tujuan yang ditetapkan dalam anggaran perbelanjaan tahun 2019 itu.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon menyokong.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat telah mengambil dua (2) jam untuk membentangkan ucapan bajet beliau dan saya berharap bahawa Ahli-Ahli Yang Berhormat boleh meneliti, mengupas ucapan bajet Yang Amat Berhormat Ketua Menteri tadi dengan sebaik mungkin dan mengemukakan pandangan, cadangan ataupun kritikan yang bernas sewaktu sesi perbahasan nanti.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan Tahun 2019 dan Usul Anggaran Pembangunan Untuk Tahun 2019 akan bermula pada 12 November 2018, jam 9.30 pagi nanti.

Dewan ditangguhkan.

***Dewan ditangguhkan pada jam 1.05 tengah hari.***